

Bahagian ini membentangkan dapatan kajian daripada bengkel perbincangan dengan pihak industri, ahli akademik universiti dan siswazah yang menganggur. Ketiga-tiga perspektif yang disebutkan diteliti berdasarkan objektif kajian ini, iaitu untuk:

- (a) meninjau kemahiran dan kecekapan yang diperlukan oleh pasaran pekerjaan, dan
- (b) mengkaji kurikulum universiti.

Perbincangan tentang semua perspektif mengaitkan aspek-aspek yang merujuk kepada dua objektif di atas. Perbincangan ini kemudiannya dikaitkan dengan kemahiran literasi tempat kerja (*workplace literacy*), seperti yang telah dijelaskan dalam pengenalan dan sorotan literatur.

Soal selidik daripada ahli akademik, majikan industri dan siswazah yang menganggur tentang keperluan pemerolehan pekerjaan dan kemahiran-kemahiran yang harus dimiliki oleh siswazah telah dianalisis. Jadual 4.1 dan Jadual 4.2 yang berikut menunjukkan analisis demografik responden yang terlibat dalam kajian dari segi jantina, status dan kelayakan tertinggi. Data kuantitatif persepsi siswazah yang menganggur, majikan industri dan ahli akademik terhadap keperluan pemerolehan pekerjaan dan kemahiran-kemahiran yang diperlukan terdapat di Lampiran 7.

Jadual 4.1: Taburan responden mengikut kedudukan dan jantina

Status	Jantina		Jumlah	Peratus
	Lelaki	Perempuan		
Siswazah yang menganggur	123	194	317	35.4
Majikan industri	209	92	301	33.6
Ahli akademik	184	93	277	30.9
Jumlah	516	379	895	100.00

Jadual 4.2: Taburan responden mengikut kelayakan tertinggi dan jantina

Kelayakan Tertinggi	Jantina		Jumlah	Peratus
	Lelaki	Perempuan		
Doktor Falsafah	47	54	101	11.3
Sarjana	229	89	318	35.5
Sarjana Muda Sastera	73	157	230	25.7
Sarjana Muda Sains	135	66	201	22.5
Diploma/STPM	18	12	30	3.4
SPM/MCE	14	1	15	1.7
Jumlah	516	379	895	100

Dapatan Kajian dari Perspektif Industri

Sesi temu bual telah dijalankan terhadap 17 responden industri daripada industri sains dan teknologi. Wakil industri yang telah ditemu bual terdiri daripada mereka yang memegang jawatan di Jabatan Pengurusan Sumber Manusia. Mereka merupakan pegawai yang terlibat terus dengan pengambilan pekerja (sila rujuk transkripsi penuh di Lampiran 4).

Secara keseluruhan, semua jenis kemahiran dan kecekapan yang dilaporkan oleh industri dicakupi dalam empat kemahiran asas: kemahiran literasi alaf digital, komunikasi efektif, pemikiran inventif dan produktiviti tinggi. Keempat-empat kemahiran ini, berdasarkan tinjauan literatur, merupakan kemahiran yang diperlukan oleh industri dan disimpulkan sebagai literasi tempat kerja yang diperlukan oleh siswazah supaya mereka dapat berfungsi dengan baik dalam dunia pekerjaan.

Kemahiran dan Kecekapan dalam Pasaran Pekerjaan

Bahagian ini merumuskan kemahiran dan kecekapan yang diharapkan oleh pihak industri daripada siswazah. Untuk memastikan kesahihan data yang dikumpulkan, pihak industri yang dipilih terdiri daripada industri yang mempunyai pekerja yang terdiri daripada siswazah tempatan, malah kebanyakan pihak industri melaporkan bahawa mereka mempunyai peratus siswazah yang tinggi:

- 50 peratus daripada jumlahnya ialah siswazah [P:E1]
- 20-30 peratus siswazah yang baru tamat belajar [P:E2]
- 40 peratus ialah siswazah [P:E3]
- Kami mengupah 25-30 peratus siswazah yang baru tamat belajar [P:E4]
- Kira-kira 60 peratus daripada mereka ialah siswazah tempatan [KL:E1]
- Lebih kurang 60 hingga 70 peratus ialah siswazah [KL:E3]

Pihak industri yang terlibat dalam kajian ini juga mempunyai siswazah yang berkelulusan dari luar negara. Walaupun begitu, pihak industri juga mendakwa bahawa peratus pekerja yang terdiri daripada siswazah luar negara jauh lebih rendah daripada siswazah tempatan.

...40 peratus siswazah daripada universiti tempatan 10-15 peratus dari universiti luar negara. [P:E3]

Kenyataan itu turut disokong oleh sebuah lagi industri. Menurut J:E2, 90 peratus pekerja di syarikatnya memiliki ijazah pertama dan hanya ada empat yang berkelulusan ijazah dari luar negara.

Walau bagaimanapun, bagi industri tertentu yang terdiri daripada syarikat antarabangsa dan berstatus multinasional, jumlah siswazah tempatan dan luar negara adalah hampir sama.

...peratus siswazah tempatan dan luar negara sama banyak. [P:E5]

Namun demikian, pihak industri mendakwa bahawa mereka tidak mengharapkan penguasaan bahasa Inggeris yang amat tinggi. Kebolehan yang paling asas, iaitu boleh bertutur dalam bahasa Inggeris sudah mencukupi.

Kami hanya memerlukan mereka yang boleh bercakap menggunakan bahasa Inggeris, kami tidak maksudkan bahasa Inggeris yang tinggi tahapnya, tetapi mereka sekadar boleh bercakap menggunakan bahasa Inggeris. [P:E4]

Pihak industri mendakwa bahawa kemahiran yang asas itu pun tidak dimiliki oleh siswazah. Kelemahan ini mengakibatkan kelemahan berkomunikasi. Mereka tidak dapat menjawab soalan yang dikemukakan dan panel penemu duga terpaksa menganggap siswazah tidak tahu menjawab. Mereka tidak dapat menjelaskan sesuatu yang memerlukan penjelasan semasa temu duga, malah ada calon yang tidak berani untuk berkomunikasi dalam bahasa Inggeris memohon supaya temu duga dijalankan dalam bahasa Malaysia.

Puan, maafkan saya, maafkan saya, boleh saya bertutur dalam bahasa Malaysia? [P:E4]

Kelemahan berbahasa Inggeris ini turut menggugat sifat keberanian mereka untuk menjawab soalan dengan cepat dan tepat. Apabila temu duga dijalankan dalam bahasa Inggeris mereka terus hilang keyakinan pada diri sendiri.

Satu lagi masalah ialah mereka kurang yakin untuk berkomunikasi dalam bahasa Inggeris. [P:E1]

Kelemahan berbahasa Inggeris yang mengakibatkan kelemahan berkomunikasi telah dianggap sebagai penyebab utama kegagalan para siswazah tempatan semasa temu duga.

Dari segi literasi sains dan teknologi, pihak industri telah memberikan berbagai-bagai pandangan yang perlu diberikan perhatian yang serius. Mereka semua menyokong bahawa pengetahuan sains dan teknologi adalah amat penting.

Ah, sudah tentulah pengetahuan teknologi maklumat dan komunikasi sangat penting. [KL:E3]

Pihak industri menyatakan bahawa mereka mengharapkan siswazah yang diterima sudah mempunyai pengetahuan literasi komputer sewaktu bekerja. Kalau boleh, mereka mahu pekerja ini mempunyai pelbagai kemahiran yang boleh membantu mereka bekerja.

Yang kami harapkan, di sebalik kemahiran tinggi, ialah pengetahuan dalam bidang teknologi. Kami mahukan mereka ini menjadi... seperti yang telah disebutkan, serba boleh. [KL:E1]

kesedaran global, didapati bahawa tiga (1.0 peratus) majikan industri menganggapnya tidak penting, manakala 298 (99.0 peratus) majikan industri menganggapnya penting.

(b) Kemahiran komunikasi efektif

Kemahiran berkomunikasi ialah salah satu kemahiran yang penting apabila menghadiri temu duga. Bahagian ini akan membincangkan pandangan industri tentang kemahiran komunikasi para siswazah.

Kemahiran komunikasi ini merupakan sebahagian kemahiran insaniah. Kemahiran ini merupakan keperluan asas yang perlu ada pada siswazah yang memerlukan pekerjaan. Hal ini demikian kerana komunikasi merupakan satu keperluan asas.

Ya. Saya maksudkan baik pada bahagian pengambilan, tetapi saya mencari yang berpersonaliti, kemahiran berkomunikasi dan sikap. Sikap... [KL:E2]

Hal ini bermakna kebolehan berkomunikasi mungkin dapat menjamin kejayaan dalam temu duga. Namun begitu, kebolehan berkomunikasi dalam kalangan siswazah merupakan rungutan yang diutarakan oleh pihak industri.

...kemahiran berkomunikasi, itulah yang kurang. [P:E1]

...siswazah tempatan tidak berkebolehan untuk berkomunikasi dengan efektif. [P:E4]

...kurang kemahiran insaniah. [P:E3]

Setiap kekurangan pasti mempunyai sebab musababnya. Pihak industri menyatakan bahawa kekurangan ini mungkin disebabkan kurang yakin pada diri sendiri:

...untuk berkomunikasi itu, itulah, mereka seperti tidak ada komunikasi, tidak ada keyakinan diri. [KL:E4]

Mereka ini tidak diberikan pendedahan, itulah sebabnya mereka bermasalah untuk berkomunikasi. [P:E7]

Keputusan yang cemerlang juga tidak menjamin seseorang pelajar itu boleh berkomunikasi dengan baik. Ada juga yang menyatakan bahawa siswazah yang mempunyai Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) 3.5 ke atas juga tidak boleh berkomunikasi dengan baik.

...siswazah tempatan tidak berkebolehan untuk berkomunikasi dengan efektif. Ijazah kepujian kelas pertama, kelas kedua tinggi, PNGK 3.5 tetapi mereka tidak boleh berkomunikasi walaupun pada peringkat asas. [P:E4]

Mungkin dia cemerlang dalam akademik, PNGK dapat 4.0 tetapi masa temu duga tidak tahu menjawab. [T:E4]

Pihak industri menyebutkan kelemahan berbahasa Inggeris sebagai punca kepada kelemahan siswazah berkomunikasi.

...anda perlu berkomunikasi dalam bahasa Inggeris berulang-ulang kali. Kalau anda tidak boleh berbuat demikian, anda akan menghadapi kesukaran. [P:E4]

Mengikut data kuantitatif, persepsi majikan industri terhadap kepentingan kemahiran komunikasi efektif adalah tinggi. Data tersebut yang menyokong dapatan di atas tentang kepentingan kemahiran komunikasi efektif itu adalah seperti dalam jadual berikut:

Jadual 4.4: Persepsi majikan industri terhadap kemahiran komunikasi efektif

Bil.	Kemahiran	Tidak penting langsung		Kurang penting		Penting		Sangat penting		Amat penting	
		Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
1.	Berkumpulan	-	-	-	-	29	9.6	156	51.	116	38.5
2.	Kolaborasi	-	-	1	0.3	62	20.6	162	53.8	76	25.2
3.	Kemahiran interpersonal	-	-	-	-	57	18.9	134	44.5	110	36.5
4.	Tanggungjawab personal	-	-	-	-	26	8.6	136	45.2	139	46.2
5.	Tanggungjawab sosial dan sivik	1	0.3	2	0.7	154	51.2	91	30.2	53	17.6
6.	Komunikasi interaktif	1	0.3	-	-	56	18.6	134	44.5	110	36.5

Bagi perkumpulan, didapati bahawa semua 301 (100 peratus) majikan industri menganggapnya penting. Bagi kolaborasi, didapati bahawa satu (0.3 peratus) majikan industri menganggapnya tidak penting, manakala 300 (99.7 peratus) majikan industri menganggapnya penting. Bagi kemahiran interpersonal dan tanggungjawab personal, didapati bahawa semua 301 (100 peratus) majikan industri menganggapnya penting. Bagi tanggungjawab sosial dan sivik, didapati bahawa tiga (1.0 peratus) majikan industri menganggapnya tidak penting manakala 298 (99.0 peratus) majikan industri menganggapnya penting. Bagi komunikasi interaktif, didapati bahawa seorang (0.3 peratus) majikan industri menganggapnya tidak penting, manakala 300 (99.7 peratus) majikan industri menganggapnya penting.

Sebagai kesimpulan, kemahiran berkomunikasi ini tidak dapat dipisahkan daripada kebolehan berbahasa Inggeris. Kedua-duanya mempunyai kaitan yang sangat rapat. Kebolehan berbahasa Inggeris dapat menjamin keupayaan berkomunikasi yang baik.

(c) Kemahiran pemikiran inventif

Kemahiran pemikiran inventif melibatkan diri individu sendiri. Kemahiran ini melibatkan kesanggupan seseorang siswazah menyahut cabaran, menyesuaikan diri dengan keadaan sekelilingnya, berdikari, mempunyai sikap ingin tahu, kreatif, mempunyai daya pemikiran yang tinggi dan boleh menghadapi masalah. Kemahiran

ini tidak banyak disentuh oleh pihak industri. Pihak industri hanya menyentuh beberapa kemahiran sampingan yang bersangkutan paut dengan pemikiran inventif.

Pihak industri menyalahkan pihak universiti kerana tidak menggalakkan kreativiti dalam pembelajaran.

Belajar sesudah bekerja, kita aplikasikan dalam jawapan peperiksaan tetapi tidak diterima kerana pensyarah menggunakan teori (ikut buku). Kreativiti pelajar tidak diiktiraf. [T :E4]

...tiada idea asli, kreativiti. [P :E5]

Pihak industri menyatakan bahawa hanya segelintir siswazah tempatan yang sanggup menghadapi cabaran. Mereka memiliki sebahagian kemahiran pemikiran inventif. Suatu petanda baik dari segi kemahiran ini ialah pujian terhadap siswazah tempatan yang sangat rajin bekerja.

Kami mendapati bahawa siswazah tempatan sangat rajin bekerja. [P:E4]

Kelebihan ini menjadi satu motivasi untuk pihak majikan. Hal ini menyebabkan para majikan tempatan agak terbuka untuk menerima mereka bekerja kerana kebanyakan majikan akan menyediakan latihan-latihan yang tersendiri untuk memenuhi keperluan hakiki pekerjaan tersebut.

Bagi siswazah yang baru tamat belajar, kami menyediakan latihan induktif, latihan pengurusan, inilah masanya antara dua minggu hingga satu bulan mereka dikehendaki menjalani latihan induktif... [KL:E1]

Latihan itu berbeza antara satu industri dengan industri yang lain. Latihan industri boleh menjangkau sehingga enam bulan, malah ada juga yang mencapai sehingga setahun. Perbezaan ini bergantung kepada kepentingan dan jenis kemahiran tinggi yang diperlukan.

Para pelajar diberikan masa yang sesuai untuk latihan... paling minimum setahun. [P:E3]

Kelebihan yang disediakan oleh pihak industri selalunya tidak dijadikan sebagai satu motivasi oleh siswazah berkenaan untuk memajukan diri sendiri. Hal ini merupakan satu kelemahan yang dipandang sangat serius oleh para majikan.

Kadang-kadang, siswazah yang baru berijazah ini takut pada sasaran syarikat. Belum buat lagi tetapi sudah takut. [T:E1]

Kelemahan para siswazah yang takut untuk mengambil risiko ditambah dengan sikap mereka yang berat tulang kerana mereka mahu pekerjaan yang mudah. Mereka lebih suka akan pekerjaan yang tidak memerlukan komitmen yang tinggi.

Apabila anda meminta mereka (siswazah) untuk memberikan perkhidmatan, mereka akan berkata saya berpelajaran tinggi... [J: E1]

Hal ini menunjukkan bahawa para siswazah mempunyai sikap suka memilih pekerjaan yang kurang memerlukan komitmen dan mudah diselesaikan mengikut masa yang telah ditetapkan.

Mengikut data kuantitatif, persepsi majikan industri terhadap kepentingan kemahiran pemikiran inventif adalah tinggi. Data tersebut yang menyokong dapatan di atas tentang kepentingan kemahiran pemikiran inventif adalah seperti dalam jadual berikut:

Jadual 4.5: Persepsi majikan industri terhadap kemahiran pemikiran inventif

Bil.	Kemahiran	Tidak penting langsung		Kurang penting		Penting		Sangat penting		Amat penting	
		Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
1.	Menyesuaikan/menguruskan kekompleksan	-	-	-	-	33	11.0	115	38.2	153	50.8
2.	Hala tuju sendiri	-	-	2	0.7	67	22.3	107	35.5	125	41.5
3.	Ingin tahu	-	-	-	-	82	27.2	130	43.2	89	29.6
4.	Kreativiti	1	0.3	-	-	62	20.6	144	47.8	94	31.2
5.	Mengambil risiko	1	0.3	-	-	111	36.9	156	51.8	33	11.0
6.	Kemahiran pemikiran tinggi	1	0.3	16	5.3	73	24.3	177	58.8	34	11.3
7.	Penaakulan logik	2	0.7	-	-	41	13.6	201	66.8	57	18.9

Bagi menyesuaikan/menguruskan kekompleksan dan rasa ingin tahu, didapati bahawa semua 301 (100 peratus) majikan industri menganggapnya penting. Bagi hala tuju sendiri, didapati bahawa dua (0.7 peratus) majikan industri menganggapnya tidak penting, manakala 299 (99.3 peratus) majikan industri menganggapnya penting. Bagi kreativiti dan mengambil risiko, didapati bahawa satu (0.3 peratus) majikan industri menganggapnya tidak penting, manakala 300 (99.7 peratus) majikan industri menganggapnya penting. Bagi kemahiran berfikir tinggi, didapati bahawa 17 (5.6 peratus) majikan industri menganggapnya tidak penting, manakala 284 (94.4 peratus) majikan industri menganggapnya penting. Bagi penaakulan logik, didapati bahawa dua (0.7 peratus) majikan industri menganggapnya tidak penting, manakala 299 (99.3 peratus) majikan industri menganggapnya penting.

Satu kesimpulan yang dapat dinyatakan dalam bahagian ini ialah pihak industri memandang berat terhadap sikap para siswazah tempatan yang tidak boleh menghadapi cabaran dan kurang komitmen untuk terus menjadi pekerja yang berdedikasi.

(d) Kemahiran produktiviti tinggi

Kemahiran ini merangkumi kebolehan seseorang pekerja membahagikan tugas mengikut kepentingan, perancangan yang membawa kejayaan dan kebolehan menghasilkan produk yang bermutu tinggi.

Pihak industri amat mementingkan pengeluaran yang bermutu. Nama baik mereka bergantung kepada mutu barang yang dipasarkan kelak. Pihak industri yang menjaga mutu pengeluaran masing-masing pasti tidak memandang remeh kemahiran ini. Mereka pasti memberikan perhatian yang setimpal terhadap kemahiran ini.

Untuk mencapai kemahiran ini, mereka memastikan setiap pekerja diberikan latihan yang mencukupi. Semua industri tidak terlepas daripada menjalankan latihan selepas para siswazah ini diambil bekerja.

Kita akan melatih staf kita dengan persekitaran pekerjaan. [T:E2]

Para pelajar akan diberikan masa dan latihan yang mencukupi... [P:E3]

Sudah dinyatakan bahawa tempoh latihan adalah berbeza-beza antara satu industri dengan industri yang lain. Pihak industri mengakui bahawa hasil latihan begitu berkesan, terutamanya selepas setahun latihan.

...sekurang-kurangnya minimum setahun. [P:E3]

Wujud peningkatan keyakinan diri setelah mereka dilatih selama setahun. [P:E4]

Sepanjang latihan, pihak industri dapat melakukan satu analisis terhadap kebolehan seseorang pekerja. Walaupun begitu, pelajar tidak begitu komited dengan pekerjaan mereka dan tidak berusaha mencapai produktiviti yang tinggi.

Mereka (siswazah tempatan) sangat berkira, lapan hingga empat, sembilan hingga lima, tetapi pihak hotel tidak bekerja begitu... kalau anda sedang memasak, pukul empat hendak berhentikah? ...lagipun, mereka tidak sanggup... itu semualah. [J:E1]

J:E2 juga membuat pemerhatian bahawa siswazah tempatan mengambil masa sekurang-kurangnya enam bulan untuk membina keyakinan dan kemahiran dalam bidang pekerjaan mereka. Dalam tempoh enam bulan tersebut, para siswazah ini menghadapi banyak masalah yang kadang-kadang menyebabkan mereka menyerah kalah dan meletak jawatan.

Mengikut data kuantitatif, persepsi majikan industri terhadap kepentingan kemahiran produktiviti tinggi adalah tinggi. Data tersebut yang menyokong dapatan di atas tentang kepentingan kemahiran produktiviti tinggi itu adalah seperti di dalam jadual berikut:

Jadual 4.6: Persepsi majikan industri terhadap kemahiran produktiviti tinggi

Bil.	Kemahiran	Tidak penting langsung		Kurang penting		Penting		Sangat penting		Amat penting	
		Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
1.	Keutamaan	-	-	-	-	81	26.9	82	27.2	138	45.8
2.	Perancangan	-	-	1	0.3	52	17.3	113	37.5	135	44.9
3.	Menguruskan hasil	-	-	-	-	42	14.0	112	37.2	147	48.8
4.	Penggunaan peralatan dunia sebenar yang efektif	-	-	17	5.6	81	26.9	135	44.9	68	22.6
5.	Kebolehan untuk menghasilkan produk yang relevan dan berkualiti tinggi	-	-	-	-	75	24.9	114	37.9	112	37.2

Bagi keutamaan, menguruskan hasil dan kebolehan untuk menghasilkan produk yang relevan dan berkualiti tinggi, didapati bahawa semua 301 (100 peratus) majikan industri menganggapnya penting. Bagi perancangan, didapati bahawa satu (0.3 peratus) majikan industri menganggapnya tidak penting, manakala 300 (99.7 peratus) majikan industri menganggapnya penting. Bagi penggunaan peralatan dunia sebenar yang efektif, didapati bahawa 17 (5.6 peratus) majikan industri menganggapnya tidak penting, manakala 284 (94.4 peratus) majikan industri menganggapnya penting.

Satu kesimpulan yang dapat dibuat di sini ialah segelintir siswazah tidak begitu komited terhadap pekerjaan mereka. Mereka tidak mempunyai semangat yang tinggi untuk melalui liku-liku alam pekerjaan. Mereka lebih mudah menyerah kalah dalam masa yang singkat. Bagi mereka yang terus berada dalam industri tersebut, pihak industri mengakui bahawa pekerja tersebut menjadi mahir selepas menjalani latihan dalam tempoh enam bulan hingga ke setahun.

Kurikulum Universiti

Perbincangan dalam bahagian ini berpandukan dapatan yang diberikan oleh pihak industri kepada pihak universiti tentang kurikulum universiti. Perbincangan ini juga akan membincangkan cadangan dan pendapat tersebut berpandukan perspektif keempat-empat kemahiran abad ke-21.

Pihak industri menegaskan bahawa tugas utama universiti bukanlah untuk memasarkan pelajar, sebaliknya menjadikan mereka dapat diterima sebagai individu yang berpengetahuan dan boleh berfikir, yang akhirnya mampu mengubah tanggapan fakulti dan juga pelajar.

Tugas utama universiti bukanlah hanya untuk memasarkan pelajar tetapi lebih pada menjadikan pelajar itu seseorang yang berpengetahuan dan boleh berfikir... ubah tanggapan fakulti dan tanggapan pelajar. [P:E4]

(a) Penyemakan semula kurikulum diperlukan dari semasa ke semasa

Perubahan minda perlu berlaku seiring dengan perubahan kurikulum. Kebanyakan mereka berpendapat bahawa kurikulum yang ada sekarang perlu diubah untuk menghadapi cabaran alaf ke-21.

Saya rasa perlu ada perubahan dalam kurikulum. Perlu pendedahan, apabila pelajar itu keluar universiti, mereka lebih bersedia. [T:E3]

Perubahan kurikulum tidak boleh dilakukan secara mendadak tetapi perlu dilakukan dengan menggunakan suatu strategi yang tertentu. Pihak industri mencadangkan perubahan yang bersifat jangka panjang.

Perkara utama yang ditekankan oleh pihak industri ialah universiti perlu mengetahui jenis pekerjaan yang diperlukan oleh industri sebelum perubahan dilakukan terhadap kurikulum.

Sebenarnya industri ada di situ, anda perlu mencari apakah kehendak industri tersebut? Kena cari apakah keperluan industri? Apa kehendak mereka? Pekerja yang bagaimana? Selepas itu baru boleh mereka kurikulum. [T:E3]

Memodalkan keperluan pasaran sebenar, satu peluang yang lebih baik. [T:E2]

Pihak industri mencadangkan supaya pihak universiti menjalankan satu kajian semula kurikulum dalam sesuatu bidang tertentu yang bertepatan dengan kehendak industri alaf ke-21.

Adalah sangat penting bagi universiti menawarkan untuk melaksanakan soal selidik/penyelidikan terhadap keperluan pasaran. [P:E2]

... gambarkan keperluan pasaran sebenar. [T:E2]

(b) Penyesuaian mengikut perkembangan teknologi

Menurut majikan, kajian itu penting kerana perubahan ilmu kepada ilmu terkini berlaku dengan mendadak dan perubahan segera amat diperlukan.

Tanya keperluan industri. Kadang-kadang teknologi sudah berubah, tapi pelajaran kita tidak berubah lagi, masih kekal pada tahap lama. [T:A2]

Cara ini juga dapat mengelakkan penawaran kursus yang tidak diperlukan. Contohnya, dalam bidang teknologi maklumat, pihak industri mendakwa bahawa kursus yang ditawarkan di sesetengah universiti telah lapuk dan tidak memenuhi keperluan mereka.

Asasnya kami mencari perkakasan dan program-program tetapi semuanya berbentuk teknikal... [P:E1]

Perubahan berpandukan kehendak industri turut menghadapi jalan buntu kerana wujudnya proses yang panjang untuk mengubah sesuatu kurikulum. Pihak industri lebih suka pergi ke universiti swasta atau kolej swasta kerana institusi tersebut sanggup mengubah kurikulum dengan cepat mengikut acuan yang dikehendaki oleh industri.

Sesetengah sistem yang diguna pakai oleh universiti jauh ketinggalan... P:E2]

(c) Hubungan dan kerjasama antara universiti dengan industri

Pihak industri juga turut menyatakan bahawa beberapa perjanjian kerjasama dengan universiti terpaksa dihentikan kerana perbezaan yang tidak boleh dikompromi oleh pihak universiti. Hal ini akhirnya menjadi beban yang perlu ditanggung oleh para siswazah.

Kadangkala, pihak majikan mahu melaksanakan perkongsian tetapi berputus asa disebabkan beberapa perbezaan. [P:E2]

Seterusnya, penglibatan pihak industri juga dapat mengatasi rungutan tentang kursus di universiti. Seorang responden daripada industri turut menyatakan bahawa beliau juga tidak mengetahui secara jelas kursus yang ditawarkan oleh universiti, misalnya perbezaan antara Ijazah Teknologi Maklumat dengan Ijazah Sains Komputer dan hubungannya dengan keperluan majikan.

...universiti ada dua jenis ijazah seperti Ijazah Teknologi Maklumat dan Ijazah Sains Komputer. Orang seperti saya tidak tahu apakah perbezaannya? [P:E5]

Hal sebegini menyebabkan para majikan tidak mengetahui secara mendalam tentang kurikulum yang disediakan di universiti dan hubungannya dengan kebolehan siswazah berkenaan untuk menjalankan tugas yang akan diberikan kepadanya kemudian.

(d) Kekurangan kemahiran praktikai

Walaupun pihak industri tidak menyalahkan pihak universiti tentang kelemahan yang terdapat pada siswazah, tetapi mereka memohon agar beberapa perubahan dilakukan. Kurikulum universiti menyediakan kemahiran tinggi yang amat baik untuk para siswazah tetapi kurang dari segi praktikal. J:E2 mengenal pasti bahawa para siswazah.

...kurang dari segi praktikal. [J:E2]

...siswazah tempatan... mahir dalam latihan praktikal. [P:E4]

Pihak industri mencadangkan:

Lebihkan latihan, kaedah yang digunakan di Jerman (80 peratus latihan, 20 peratus teori). [T:E3]

Banyakkan program yang sebenar. Belajar untuk membuat latihan. [T:E3]

Pihak industri sanggup memberikan sokongan untuk membantu pelajar di IPTA menghadapi alam pekerjaan dengan memberikan peluang latihan intensif di syarikat mereka. Mereka menerimanya sebagai satu tanggungjawab sosial.

Mungkin ada satu jalan penyelesaian, saya fikir jika diletakkan di syarikat kami selama enam bulan, ia akan dianggap sebagai tanggungjawab sosial, anda akan mengetahui keperluan utama yang diperlukan oleh sesebuah syarikat, dari situ anda boleh mengkaji semula kurikulum. [KL:E2]

Pihak industri mencadangkan agar tempoh praktikal yang sedia ada ditambah agar tempoh tersebut menjadi lebih panjang. Ada beberapa pihak menyatakan bahawa tempoh tiga bulan tidak mencukupi. J:E1 mencadangkan agar masa latihan industri dipanjangkan, malah ada juga yang mencadangkan agar latihan berkenaan dipanjangkan menjadi setahun.

...di sebalik latihan praktikal selama enam bulan, lebih baik diletakkan pelajar tersebut di syarikat itu selama setahun. [KL:E3]

(e) Penempatan dan penyeliaan untuk latihan industri

Masalah seterusnya ialah penempatan dan penyeliaan untuk latihan industri. Pihak industri menyatakan bahawa tindakan menempatkan siswazah tanpa penyeliaan yang sempurna turut membawa padah kepada siswazah berkenaan. J:E2 mencadangkan agar pihak universiti atau fakulti diberikan tanggungjawab untuk mencari tempat latihan industri yang sesuai untuk pelajar berkenaan. Menerusi kaedah ini, pihak industri mencadangkan agar pelajar ini dihantar ke IKS.

Pelajar kita, kita hantar dekat IKS. Sebab ada perbezaan. [T:E2]

Menurut mereka, IKS merupakan sebuah industri yang terperinci jenis pengeluarannya, oleh hal yang demikian pelajar ini akan dapat belajar dengan lebih terperinci dan lebih mendalam tentang sesuatu pekerjaan.

Tetapi sekiranya pelajar memilih IKS untuk praktikal, ilmu yang mereka pelajari dapat dipraktikkan sepenuhnya. [T:E2]

(f) Peranan sekolah dalam penyediaan pelajar yang memenuhi keperluan universiti dan kehendak tempat kerja

Pihak industri juga turut menekankan hubungan kait antara sekolah dengan universiti dalam membentuk pelajar bagi memenuhi keperluan pekerjaan. Tanggungjawab menangani isu penyediaan pelajar yang memenuhi kehendak pasaran menjadi sukar sekiranya diserahkan kepada pihak universiti sahaja.

Saya fikir sekolah memainkan peranan penting kerana asasnya bermula daripadanya.

[KL:E3]

Pihak industri menyatakan bahawa sekolah merupakan satu tempat yang amat penting untuk menyediakan keperluan asas dan melaluinya pelajar mempunyai minda yang terbuka untuk memahami makna bidang kerjaya. Pihak universiti pula mempunyai satu tanggungjawab yang terperinci, iaitu menyediakan para siswazah untuk menghadapi alam pekerjaan berpandukan bidang kerjaya yang telah dipilih oleh mereka semasa di bangku sekolah lagi.

Pada tahap siswazah, semuanya menyediakan saya ke arah guna tenaga. [KL:E3]

Menurut pihak industri, universiti bukan sahaja gedung ilmu yang akan memberikan ilmu kepada pelajarnya, malah turut memainkan peranan menyediakan siswazah berkenaan untuk menghadapi alam pekerjaan.

Ia bergantung pada peranan universiti. Untuk memastikan semua siswazah boleh dipasarkan. Mungkin pengaplikasian modal insan boleh digunakan. [T:E5]

Kesimpulan

Berdasarkan penemuan kajian ini, dapat dirumuskan bahawa pihak industri memohon pihak universiti melakukan perubahan pada kurikulum berpandukan kehendak majikan. Perubahan itu perlu dilakukan segera kerana terdapat beberapa kursus, terutama kursus teknologi komputer yang sudah tidak relevan dalam dunia industri. Pihak industri juga memohon agar mereka turut dilibatkan sebelum perubahan kurikulum dilakukan. Mereka juga mengesyorkan agar latihan industri dipanjangkan dari tiga bulan ke enam bulan atau setahun. Seterusnya, latihan industri itu perlu diselia dengan baik oleh pihak universiti supaya latihan itu tidak menjadi sia-sia.

Dapatan Kajian dari Perspektif Ahli Akademik

Sesi temu bual dengan sembilan belas pensyarah dari sembilan IPTA telah dijalankan bagi mengkaji dan menganalisis hubungan antara kurikulum universiti dengan kebolehpasaran siswazah IPTA dari aspek-aspek yang berkaitan seperti berikut:

- (i) Persepsi ahli akademik terhadap peranan universiti dan kualiti kurikulum universiti sebagai faktor yang menjamin pemerolehan pekerjaan dalam kalangan siswazah IPTA.
- (ii) Kerelevanan kurikulum universiti dalam memenuhi keperluan kemahiran literasi dunia pekerjaan dari segi hasil pembelajaran kurikulum.
- (iii) Kaedah usaha sama yang berkesan antara universiti dengan industri.

Wakil universiti yang ditemu bual terdiri daripada mereka yang memegang jawatan pentadbiran seperti Dekan, Timbalan Dekan (Akademik), Ketua Program dan Penyelaras Unit serta Program. Mereka secara khusus mewakili bidang sains dan teknologi maklumat. Kutipan daripada wakil-wakil diperturunkan untuk memperjelas pendapat mereka (sila rujuk transkripsi penuh di Lampiran 5).

Kemahiran dan Kecekapan dalam Pasaran Pekerjaan

Persepsi wakil universiti terhadap isu tanggungjawab untuk membentuk pelajar sebagai persediaan memasuki pasaran kerja boleh diuraikan dengan menengahkan empat isu yang berbangkit daripada data. Persepsi ini dibuat berdasarkan data temu bual dengan wakil akademik tentang isu pengangguran dan analisis wacana yang dilakukan terhadap data primer kualitatif.

(a) Tanggungjawab universiti dalam menjamin kebolehpasaran siswazah

Warga akademik yang ditemu bual sebulat suara merasakan tanggungjawab ini merupakan tanggungjawab kolektif (*collective responsibility*), yakni bukan universiti sahaja yang perlu memastikan ilmu dan kemahiran yang didapati oleh pelajar IPTA relevan dan memenuhi keperluan pembangunan negara. Pihak industri dan yang berkaitan, termasuklah masyarakat bertanggungjawab dalam menyediakan tempat dan peluang pekerjaan seimbang dengan bilangan keluaran siswazah yang dituntut oleh negara. Berikut ialah kutipan pandangan yang berkaitan daripada wacana yang telah dianalisis:

Saya berpendapat peranan universiti, terdapat banyak benda yang boleh kita lakukan. Ia adalah tanggungjawab kolektif. Kita boleh menyediakan pelajar-pelajar yang terbaik, apabila tamat belajar mereka boleh mendapatkan pekerjaan yang ada di pasaran. Jika tiada pasaran kerja untuk mereka, tindakan alternatif perlu dicari. Ia tidak sesuai dengan kemahiran yang mereka ada dan kehendak industri. [J:A3]

Tanggungjawab terhadap pekerjaan siswazah ialah tanggungjawab kolektif. Saya amat bersetuju bahawa universiti perlu melahirkan siswazah yang sebaik mungkin, lengkapkan mereka dengan kemahiran insaniah dan sebagainya tetapi tanggungjawabnya adalah kolektif, termasuk majikan dan kerajaan. [J:A2]

Jika universiti dan industri boleh bekerjasama, mungkin kita boleh... mungkin tidak, ...untuk menghapuskan tetapi sekurang-kurangnya untuk meredakan keadaan. [KL:A1]

Namun begitu, ahli akademik turut menyatakan bahawa faktor ekonomi (aspek penawaran peluang pekerjaan) juga merupakan satu faktor yang tidak boleh diperkecil dan seharusnya diberikan perhatian yang serius. Tambahan pula, industri sering mencari dan memerlukan pekerja yang mempunyai pengalaman bekerja. Hal ini menyukarkan lagi peluang siswazah untuk mendapat pekerjaan.

Saya rasa sedih tentang siswazah menganggur tetapi kita perlu melihatnya dari segi permintaan dan penawaran tenaga kerja. Keadaan ekonomi juga menentukan kedudukan tawaran pekerjaan. [J:A1]

Saya fikir ada sesuatu yang tidak kena kerana dikatakan tiada pasaran kerja untuk para pelajar tetapi laporan lain menyatakan terdapat banyak peluang pekerjaan, tetapi masih ramai siswazah yang tidak bekerja. Di manakah silapnya? [KL:A1]

Sebagai majikan kita perlulah faham. Sistem pendidikan kita ada banyak tahap. Ada yang mempunyai diploma dan ada yang mempunyai ijazah. Jika kita mahu seseorang itu datang dan terus bekerja, kita perlulah mengambil seorang yang mempunyai pengalaman. Jika siswazah yang baru berijazah, kita perlu memberikan mereka masa transisi. Selepas enam bulan mereka pasti boleh bekerja. [J:A3]

Data kuantitatif di bawah menunjukkan bahawa perlu ada padanan antara kurikulum universiti dengan keperluan majikan. Enam orang (2.2 peratus) ahli akademik tidak bersetuju, manakala 295 orang (97.8 peratus) ahli akademik bersetuju. Dari segi kurikulum universiti yang dikaji semula setiap tiga tahun pula, 11 orang (4.0 peratus) ahli akademik tidak bersetuju, manakala 290 orang (96.0 peratus) ahli akademik bersetuju.

Jadual 4.7: Persepsi ahli akademik terhadap dua faktor pemerolehan pekerjaan

Bil.	Faktor pemerolehan pekerjaan	Tidak bersetuju sepenuhnya		Sangat tidak bersetuju		Bersetuju		Sangat bersetuju		Bersetuju sepenuhnya	
		Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
1.	Perlu ada padanan antara kurikulum universiti dengan keperluan majikan	-	-	6	2.2	44	15.9	127	46.0	99	35.9
2.	Kurikulum universiti mesti dikaji semula setiap tiga tahun	-	-	11	4.0	64	23.4	113	41.2	86	31.4

(b) Tempoh pengajian di universiti

Berkaitan dengan pandangan di atas, warga akademik menyentuh isu sistem pendidikan tiga tahun yang difikirkan perlu disemak semula memandangkan jumlah penghasilan siswazah universiti yang tinggi pada setiap tahun. Hal ini juga menyebabkan pihak industri sukar untuk menyerap mereka ke dalam sistem

pekerjaan. Di samping itu, tempoh ini tidak memberikan peluang kepada pelajar untuk mendalami sesuatu bidang ilmu.

Saya rasa dengan masa yang singkat di universiti, pelajar-pelajar tidak punya masa yang cukup untuk menganalisis sebab... anda tahu... pelajar mengambil lebih kurang 21 ke 24 jam kredit setiap semester dan terdapat juga pensyarah yang merungut pelajar tidak boleh menganalisis apabila diberikan kajian kes. Oleh itu, saya mengatakan bahawa kita perlu melihat semula kurikulum. Mereka memerlukan masa untuk merenung dan berfikir, untuk menganalisis, anda perlu memberikan mereka masa untuk membaca. [KL:3]

Setiap tahun hampir 1,000 pelajar sains dari sebuah universiti berijazah. Bagaimana dengan universiti lain? Jika dilihat pada jumlah yang semakin bertambah setiap tahun ini, saya menjangkakan semakin ramai siswazah yang tidak akan bekerja pada masa akan datang [KL:A2]

(c) Peranan universiti

Dari sudut peranan universiti, pihak akademik mengingatkan dengan tegas akan peranan asal universiti yang harus dipelihara. Universiti perlu kembali kepada tanggungjawab asasnya; iaitu memberikan ilmu pengetahuan kepada pelajar dan ilmu tersebut perlu digunakan oleh seseorang pelajar untuk membolehkannya mendapatkan pekerjaan.

Peranan utamanya untuk menyediakan pelajaran, pendidikan tinggi kepada para pelajar dan perancangan pembangunan dan pengurusan; latihan asas untuk para pelajar; dengan pengetahuan yang telah mereka peroleh dan latihan mereka sepatutnya boleh mendapatkan pekerjaan. [P:A1]

Memberikan asas sains kepada para pelajar sepatutnya menyebabkan mereka bekerja dengan baik dalam industry. [P:A2]

Menyediakan para pelajar atau siswazah dengan beberapa tahap pemikiran kritis seperti mempunyai pengetahuan, asas pengetahuan; (untuk) kebolehan pembelajaran sepanjang hayat. [P:A3]

Dengan asas yang kukuh, apabila mereka keluar universiti kelak dalam apa-apa juga industri, mereka boleh menggunakan pengetahuan yang mereka ada. [P:A4]

Universiti bertanggungjawab menyediakan para pelajar yang boleh melakukan tugas dan boleh berkomunikasi dengan persekitaran pekerjaan. [P:A6]

Universiti ialah tempat yang memberikan ilmu pengetahuan, tanggungjawab universiti ialah memberi ilmu sebaik mungkin dan melahirkan insan yang sebaik mungkin. Tanggungjawab terhadap pekerjaan siswazah ialah tanggungjawab kolektif. Universiti perlu melahirkan siswazah yang sebaik mungkin, langkapkan mereka dengan kemahiran

insaniah dan sebagainya tetapi tanggungjawab mendapat pekerjaan adalah kolektif, termasuk majikan dan kerajaan. [J:A2]

(d) Perbandingan antara siswazah universiti luar negara dengan tempatan

Apabila dibangkitkan isu perbandingan antara siswazah universiti luar negara dengan tempatan seperti yang banyak diperkatakan dan diuar-uarkan dalam media, warga akademik sangsi terhadap laporan berkenaan. Mereka merasakan bahawa kenyataan siswazah universiti luar negara lebih berkualiti daripada tempatan mungkin tidak benar.

Bagi saya, kalau dari segi siswazah tempatan yang tidak diambil bekerja adalah kenyataan kurang jelas kerana pihak media tiada kenyataan spesifik. Contohnya kelemahan dalam aspek komunikasi. Tiada ketelitian dalam aspek apa? Hal ini kerana bukan semua kelemahan itu ada pada pelajar. Kita perlu memberikan satu gambaran yang tepat. Hal itu tidak adil kepada pelajar dan juga pihak universiti. [T:A2]

Laporan tersebut tidak tepat. Daripada soal selidik yang kami lakukan, pelajar mendapat pekerjaan setelah empat bulan tamat pengajian. [J:A1]

Saya kurang yakin tentang laporan-laporan yang kita dengar. Kita tidak seharusnya membandingkan siswazah tempatan yang teruk dengan siswazah luar negara. Mungkin hal ini sebabnya siswazah luar negara lebih ramai yang memperolehi pekerjaan. Siswazah luar negara mungkin berkomunikasi dengan lebih baik dalam bahasa Inggeris. [J:A3]

Apabila saya membaca laporan, saya akan membacanya sepintas lalu sahaja. Selalunya laporan-laporan ini tidak disokong dengan data. Laporan-laporan ini seolah-olah memperkecil siswazah tempatan. Keluaran siswazah tempatan ada berbagai-bagai [J:A4]

Pendidikan telah menjadi satu komoditi. Terlalu banyak kolej swasta menawarkan tahap kemasukan yang rendah yang boleh menyumbang kepada masalah pengangguran. Dengan hal ini, kualiti pelajar sukar dikawal. [KL:A3]

Jadual di bawah menunjukkan data kuantitatif bagi persepsi ahli akademik universiti terhadap kemahiran literasi alaf digital.

Jadual 4.8: Persepsi ahli akademik universiti terhadap kemahiran literasi alaf digital

Bil.	Kemahiran	Tidak penting langsung		Kurang penting		Penting		Sangat penting		Amat penting	
		Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
1.	Literasi asas	-	-	-	-	55	19.	59	21.3	163	58.8
2.	Literasi saintifik	1	0.4	2	0.7	138	49.8	82	29.6	54	19.5
3.	Literasi informasi	-	-	-	-	106	38.3	104	37.5	67	24.2
4.	Literasi visual	-	-	4	1.4	100	36.1	111	40.1	62	22.4
5.	Literasi informasi	-	-	4	1.4	65	23.5	88	31.8	120	43.3
6.	Literasi pelbagai budaya	-	-	13	4.7	80	28.9	130	46.9	54	19.5

Bagi literasi asas dan literasi informasi, didapati bahawa semua 277 orang (100 peratus) ahli akademik menganggapnya penting. Bagi literasi saintifik, didapati bahawa tiga orang (1.1 peratus) ahli akademik menganggapnya tidak penting, manakala 274 orang (98.9 peratus) ahli akademik menganggapnya penting. Bagi literasi visual dan informasi, didapati bahawa empat orang (1.4 peratus) ahli akademik menganggapnya tidak penting, manakala 273 orang (98.6 peratus) ahli akademik menganggapnya penting. Bagi literasi pelbagai budaya, didapati bahawa 13 orang (4.7 peratus) ahli akademik menganggapnya tidak penting, manakala 264 orang (95.3 peratus) ahli akademik menganggapnya penting. Bagi kesedaran global, didapati bahawa 13 orang (4.7 peratus) ahli akademik menganggapnya tidak penting, manakala 264 orang (95.3 peratus) ahli akademik menganggapnya penting.

Jadual di bawah menunjukkan data kuantitatif bagi persepsi ahli akademik universiti terhadap kemahiran komunikasi efektif.

Jadual 4.9: Persepsi ahli akademik universiti terhadap kemahiran komunikasi efektif

Bil.	Kemahiran	Tidak penting langsung		Kurang penting		Penting		Sangat penting		Amat penting	
		Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
1.	Perkumpulan	-	-	-	-	50	18.1	101	36.5	126	45.5
2.	Kolaborasi	-	-	-	-	38	13.7	120	43.3	119	43.0
3.	Kemahiran interpersonal	-	-	-	-	22	7.9	76	27.4	179	64.6
4.	Tanggungjawab personal	-	-	-	-	35	12.6	102	36.8	140	50.5
5.	Tanggungjawab sosial dan sivik	-	-	-	-	53	19.1	98	35.4	126	45.5
6.	Komunikasi interaktif	-	-	-	-	36	13.0	82	29.6	159	57.4

Bagi semua kemahiran dalam kemahiran komunikasi efektif, didapati semua 277 orang (100 peratus) ahli akademik menganggapnya penting.

Jadual di bawah menunjukkan data kuantitatif bagi persepsi ahli akademik universiti terhadap kemahiran pemikiran inventif.

Jadual 4.10: Persepsi ahli akademik universiti terhadap kemahiran pemikiran inventif

Bil.	Kemahiran	Tidak penting langsung		Kurang penting		Penting		Sangat penting		Amat penting	
		Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
1.	Menyesuaikan /menguruskan kekompleksan	-	-	-	-	50	18.1	119	43.0	108	39.0
2.	Hala tuju sendiri	-	-	-	-	41	14.8	109	39.4	127	45.8
3.	Ingin tahu	-	-	-	-	53	19.1	116	41.9	108	39.0
4.	Kreativiti	-	-	-	-	42	15.2	125	45.1	110	39.7
5.	Mengambil risiko	-	-	6	2.2	70	25.3	123	44.4	78	28.2
6.	Kemahiran berfikir tinggi	-	-	10	3.6	53	19.1	125	45.1	89	32.1
7.	Penaakulan logik	-	-	5	1.8	75	27.1	100	36.1	97	35.0

Bagi menyesuaikan/menguruskan kekompleksan, hala tuju sendiri, ingin tahu dan kreativiti, didapati bahawa semua 277 orang (100 peratus) ahli akademik menganggapnya penting. Bagi mengambil risiko, didapati bahawa enam orang (2.2 peratus) ahli akademik menganggapnya tidak penting, manakala 271 orang (97.8 peratus) ahli akademik menganggapnya penting. Bagi kemahiran berfikir tinggi, didapati bahawa 10 orang (3.6 peratus) ahli akademik menganggapnya kurang penting, manakala 267 orang (96.4 peratus) ahli akademik menganggapnya penting. Bagi penaakulan logik, didapati bahawa lima orang (1.8 peratus) ahli akademik menganggapnya tidak penting, manakala 272 orang (98.2 peratus) ahli akademik menganggapnya penting.

Jadual di bawah menunjukkan data kuantitatif bagi persepsi ahli akademik universiti terhadap kemahiran produktiviti tinggi.

Jadual 4.11: Persepsi ahli akademik universiti terhadap kemahiran produktiviti tinggi

Bi l.	Kemahiran	Tidak penting langsung		Kurang penting		Penting		Sangat penting		Amat penting	
		Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
1.	Keutamaan	-	-	-	-	57	20.6	113	40.8	107	38.6
2.	Perancangan	-	-	-	-	47	17.0	111	40.1	119	43.0
3.	Menguruskan hasil	-	-	-	-	53	19.1	124	44.8	94	33.9
4.	Penggunaan peralatan dunia sebenar yang efektif	-	-	-	-	56	20.2	134	48.4	87	31.4
5.	Kebolehan untuk menghasilkan produk yang relevan dan berkualiti tinggi	-	-	-	-	54	19.5	75	27.1	148	53.4

Bagi semua kemahiran dalam produktiviti tinggi, didapati semua 277 orang (100 peratus) ahli akademik menganggapnya penting.

Kurikulum Universiti

Dalam menilai kerelevanan kurikulum universiti dan kebolehpasaran siswazah dalam dunia pekerjaan, faktor-faktor yang timbul daripada data temu bual membangkitkan isu-isu seperti yang tersenarai di bawah:

- (a) Jaminan kualiti kurikulum universiti
- (b) Reka bentuk kurikulum dan objektif hasil pembelajaran
- (c) Kerelevanan pengisian kurikulum dengan keperluan industri: Isu usaha sama universiti-industri
- (d) Isu penggunaan bahasa Inggeris dalam pengajaran di universiti dan keperluan bahasa Inggeris untuk kebolehpasaran

Berikut diperturunkan butiran berkaitan dengan faktor-faktor yang berbangkit daripada analisis wacana yang dilakukan terhadap data primer kualitatif hasil temu bual dengan warga akademik mengikut turutan senarai di atas.

(a) Jaminan kualiti kurikulum universiti

Jaminan kualiti kurikulum dan penilaian kurikulum universiti di IPTA adalah mengikut tatacara yang diperakukan pada peringkat kebangsaan (KPT, LAN, JPA) dan menepati piawai antarabangsa. Pengiktirafan ini termasuk piawai badan profesional yang tertentu bagi bidang seperti kejuruteraan. Bagi memastikan kurikulum tersebut relevan dan menepati keperluan masa dari segi kebolehpasaran serta dari aspek kecekapan ilmu khusus, tinjauan pasaran dibuat terlebih dahulu dan mesyuarat juga diadakan dengan panel industri untuk menentukan kurikulum.

Kami sebenarnya terpaksa mengikut perkara yang telah ditetapkan oleh EAT. Ia adalah satu standard yang kami perlu patuhi dalam menyediakan kurikulum dan keseluruhan program kami. Keperluannya memanglah banyak. [J:A1]

Mengikut pengalaman Jabatan Pengurusan, apabila kita hendak mengemukakan sesuatu program, terdapat berbagai-bagai jawatankuasa yang terlibat dalam bidang-bidang tertentu. Sebagai contoh apabila kita hendak menyediakan program perakaunan, panel pensyarah perakaunan akan mengemukakan mata pelajaran dan kurikulum. Kemudian kita akan menubuhkan satu kumpulan komuniti pembangunan kurikulum dari industri dan ahli akademik dari luar. Kita juga memanggil akauntan pelatih dan ahli akademik untuk melihat kurikulum yang telah dibina dan kemudian barulah kita mengaplikasikannya. [J:A2]

...apabila kita mahu memperkenalkan... satu program baru... kita mestilah menyediakan satu justifikasi yang sangat baik... Justifikasi ini meliputi kajian yang melibatkan pasaran dan juga... perbandingan dengan program yang telah ditawarkan... yang telah ditawarkan oleh universiti, kolej lain dan sebagainya, sama ada pada peringkat tempatan atau antarabangsa. [KL:A1]

...dari aspek teknikal, kita tahu standardnya, mengambil kira juga perkara yang sedang dilakukan oleh universiti lain dan juga tentang kursus yang cuba untuk diperoleh... para pemegang taruhan terhadap pembentukan kurikulum dan diharapkan agar akan mendapat tempat untuk latihan praktikal. Jadi, perkara inilah yang harus diberikan keutamaan semasa membentuk program baru. [KL:A4]

Kita memerlukan analisis, soal selidik tentang pasaran,... temu duga para pemegang taruhan... kita juga harus tahu objektif kebangsaan sesebuah negara dan guna tenaga siswazah yang diperlukan dari bidang sains kemasyarakatan... bagi semua kursus, perkara utama yang diberikan perhatian ialah asas kemahiran, teori terkini, aplikasi dan sebagainya. [P:A1]

...ia mestilah terkini, berbanding dengan universiti lain. Kami juga melihat pada tahap universiti tempatan dan luar negara, kursus yang mereka tawarkan dan mungkin cuba menawarkan sesuatu yang berbeza. [P:A1]

(i) Proses penggubalan dan objektif kurikulum universiti

Kajian ini mendapati bahawa pihak universiti mengambil langkah yang ketat dalam menjañin kurikulum bagi sesuatu program pengajian mencapai kualiti yang ditetapkan dan pengisiannya adalah relevan. Prosedur yang dilalui termasuk:

- mengenal pasti kelulusan yang diperlukan oleh industri melalui analisis keperluan dan unjuran pasaran,
- memastikan kehendak pasaran melalui tinjauan pasaran termasuk pandangan pemegang taruhan (*stakeholders*) dan pakar dari institusi tempatan dan antarabangsa,

- merancang tujuan dan hasil berdasarkan objektif-objektif program dengan mengambil kira agenda negara dan kehendak industri,
- membandingkan kurikulum baharu dengan program yang sama yang ditawarkan di universiti lain, baik dalam negara atau luar negara,
- memastikan ada pakar akademik dalam bidang bagi program baharu yang akan ditawarkan,
- menyerahkan kurikulum untuk dinilai semula oleh panel pakar (penasihat luar), sebelum dibentangkan kepada KPT dan MQA, dan
- menerima kelulusan daripada pihak berkenaan setelah semua syarat dipatuhi.

(ii) *Proses penilaian semula kurikulum bagi memelihara kualiti dan kerelevanan*

Mengikut warga akademik yang ditemu bual, kurikulum universiti dinilai semula berdasarkan maklum balas pelajar, maklum balas industri, pengetahuan/maklumat terkini dan dapatan kajian dalam bidang berkenaan.

- Kurikulum dinilai semula setiap tiga hingga lima tahun.
- Bagi kursus baharu, penilaian dibuat selepas dua tahun program dijalankan.
- Latihan industri dengan pihak-pihak tertentu diambil kira dalam penilaian semula.
- Penilaian daripada pihak pemeriksa/penasihat luar (jika diperlukan).
- Proses bagi kursus baharu yang hendak dibentuk, dinilai dan diluluskan perlu dibuat dalam jangka masa enam bulan atau kurang dari setahun dan tidak seperti amalan sekarang.

Saya fikir untuk semua program, kami telah mengkaji semula sekurang-kurangnya dua atau tiga kali dalam tempoh tiga tahun. [P:A1]

Untuk kursus-kursus baharu, pada sesiapa yang tidak mendapat kelulusan JPA, saya fikir ia perlu dikaji semula bagi setiap setengah perkembangan perjalanan program. Setelah dua tahun program itu dimulakan. [KL:A2]

Untuk penstrukturan kursus yang telah ada, setiap bulan kami bermesyuarat ACP. ACP ialah mesyuarat Perancangan Akademik dan Korporat. Oleh hal yang demikian, selalunya kami, setiap pensyarah akan mengkaji semula sukatan pelajaran subjek yang tertentu. Oleh itu, setiap bulan berdasarkan komen dari luar dan komen daripada industri, setiap subjek yang perlu dikaji, akan sentiasa dikaji. [KL:A3]

Ternyata bahawa tempoh untuk penilaian semula kurikulum bergantung kepada bidang pengkhususan; iaitu bidang seperti teknologi perlu disemak semula setiap dua tahun sementara bidang yang lebih berorientasikan sains sosial mungkin dinilai semula selepas setiap kumpulan pelajar mengikut tahun kemasukan, tamat pengajian mereka.

(b) Reka bentuk kurikulum dan objektif hasil pembelajaran

Prinsip utama yang dipenuhi dalam penggubalan kurikulum pengajian ialah memastikan ilmu pengkhususan dan kemahiran yang berkaitan menjadi pengisi untuk membentuk kurikulum berkenaan. Dalam pada itu, kecekapan yang telah dikenal pasti diperlukan untuk dijadikan kayu ukur hasil pembelajaran pengajian yang dilalui. Reka bentuk pengisian berpandukan matlamat ini menjamin program berkenaan akan menghasilkan siswazah yang menguasai ilmu pengkhususan dan memperoleh kemahiran yang mantap.

Warga akademik juga mengesahkan bahawa pelajar perlu didedahkan kepada kemahiran insaniah yang berkaitan, seperti strategi membaca, menulis dan berfikir secara kreatif dan kritis. Mereka merasakan kurikulum universiti yang dibentuk perlu menyediakan pelajar secukupnya dengan asas kemahiran dan ilmu bidang terpilih yang dapat membantu mereka berfungsi dalam dunia sebenar.

Kami melatih mereka untuk membaca, berfikir, menulis, boleh berfikir dengan kreatif dan kritis, kemahiran interpersonal, kemahiran komunikasi lisan, kemahiran membentangkan sesuatu projek, kemahiran membuat penyelidikan, dan kemahiran komputer. Semua ini kami latih pelajar kami. Mereka mempunyai semua kemahiran tersebut sebelum meninggalkan universiti. [P:A3]

Saya fikir hal yang telah kami lakukan setakat ini, kami telah membekalkan pelajar dengan kemahiran yang diperlukan, saya maksudkan kemahiran yang asas. Kemahiran luaran dan kemahiran insaniah telah kami bekalkan, termasuklah juga menggabungkan projek, kerja kumpulan, kemahiran komunikasi, kemahiran membentangkan sesuatu dalam setiap subjek... [P:A2]

Dalam isu kualiti kurikulum universiti, warga akademik merasakan perlunya dipertimbangkan faktor pelajar yang menjadi penghalang. Hal ini demikian kerana kurikulum yang baik masih tidak boleh menjamin kecemerlangan pelajar, jika pelajar sendiri tidak dapat mengamati dan memanfaatkannya sebaik mungkin.

Responden sebulat suara menyatakan bahawa sikap pelajar, yang mungkin diwarisi dari zaman persekolahan, merupakan halangan kepada perkembangan kemahiran yang dinyatakan dalam diri pelajar.

Jika kita lihat para pelajar hari ini, sama ada mereka mahu memperoleh kemahiran atau tidak kerana sebagai contohnya sebagai pembentangan, jika dilakukan seperti yang saya maksudkan, mereka akan bekerja keras sebagai satu kumpulan. Sama ada sesetengahnya lagi tidak peduli apa-apa yang akan berlaku asalkan mereka mendapat markah untuk menentukan gred mereka sahaja... Mereka mempunyai sikap ini semenjak di bangku sekolah lagi. [P:A5]

Universiti cuba untuk membantu pelajar dengan membina kurikulum yang boleh dipasarkan. Yang pandai tiada masalah, tetapi yang lembab inilah yang bermasalah sedikit. Selepas tiga tahun, baru hendak pandai sedikit, sudah keluar universiti. Tidak

sempat untuk mahir. Kalau empat tahun, mungkinlah. Kebanyakan pelajar berijazah dengan kemahiran yang standard, bukan dengan kemahiran tinggi. Kami mereka bentuk kurikulum yang boleh dipasarkan. Tidak semestinya dengan sektor kerajaan semata-mata. [T:A1]

Ada responden berpendapat bahawa kelemahan pelajar tidak harus dikaitkan semata-mata dengan pembelajaran tiga tahun di universiti tetapi yang harus dipersoalkan ialah 12 tahun persekolahan yang telah dilalui oleh pelajar:

Kebimbangan bukanlah pada tahap tiga tahun yang kami gunakan bersama pelajar dan cuba untuk menghasilkan sesuatu untuk industri tetapi kebimbangan terhadap dua belas tahun yang lalu untuk melengkapkan mereka. [P:A3]

Sebenarnya dari segi kurikulum, kita tidak ada masalah. Kita dapat menyampaikan input kepada pelajar dengan baik. Dalam perbincangan dengan industri juga, mereka tidak ada masalah dengan pelajar kita dari segi pengetahuan. Masalahnya hanyalah yang berkaitan dengan kemahiran insaniah dan komunikasi. Dari segi pengetahuan, saya tidak menerima apa-apa komen negatif. [J:A1]

(c) Kerelevanan pengisian kurikulum dengan keperluan industri: Isu usaha sama universiti dengan industri

Responden warga akademik sebulat suara berpendapat bahawa universiti dan industri perlu bekerjasama dalam pelbagai aspek untuk memastikan perkara yang dipelajari di universiti relevan dengan dunia sebenar, sekali gus memastikan siswazah mendapat pekerjaan. Ternyata kerjasama antara universiti dengan industri sememangnya sudah wujud dalam pelbagai aspek.

Dari segi reka bentuk dan kualiti kurikulum umpamanya, prosedur jaminan kualiti dan penilaian kurikulum yang dijalankan seharusnya menjamin kurikulum universiti yang sedia ada sememangnya menepati keperluan asas dalam mempersiapkan mahasiswa untuk dunia pekerjaan, khususnya dalam bidang-bidang yang dianugerahi ijazah.

Sebagaimana yang terbukti daripada kutipan transkripsi sebelum ini (sila rujuk proses jaminan kualiti di atas) warga akademik menyatakan bahawa kurikulum yang direka bentuk mengandungi input daripada pihak industri, yang telah dirujuk untuk memberikan pandangan terhadap sama ada program pengajian dan ijazah yang dicadangkan relevan, diperlukan dan seterusnya mempunyai kebolehpasaran ataupun tidak.

Kami bekerjasama dengan industri dalam pelbagai cara untuk mereka bentuk kursus, kami memasukkan slot dalam beberapa kuliah kepada pihak industri untuk memberikan ceramah. Oleh itu, para pelajar boleh mengaitkan material pengajaran dengan dunia sebenar. [P:A6]

Kenyataan ini turut disokong oleh data kuantitatif, iaitu 96.8 peratus ahli akademik bersetuju bahawa universiti dan industri mesti bekerjasama semasa merangka kurikulum universiti.

(i) Kekangan menyesuaikan kurikulum universiti mengikut kehendak industri

Kadangkala input daripada industri terlalu banyak sehinggakan universiti tidak dapat memenuhi segala keperluan dan kehendak industri dalam kurikulum masing-masing:

...kekangan yang kami hadapi. Kami tidak bebas sepenuhnya menggunakan semua input yang kami peroleh daripada industri kerana walaupun kami bersetuju, kami memerlukan kepastian untuk kursus-kursus, yang direka untuk memenuhi keperluan industri dan sebagainya, kami juga terikat dengan jumlah jam kredit... kami juga menerima komen daripada pengkaji terkini bahawa jumlah jam kredit kami terlalu tinggi berbanding siswazah dari Amerika Syarikat yang hanya memiliki 100, atau seratus lebih, tetapi kita mempunyai 126 jam kredit, boleh dikatakan melebihi keperluan. Perkara yang kami lakukan adalah untuk memenuhi keadaan semasa...
[P:A4]

...kami sentiasa bekerjasama dengan pihak industri dan cuba untuk memenuhi keperluan mereka, kadangkala ia keterlaluan... apabila ia keterlaluan, kami tidak boleh mendalami aspek keilmuan dan kami tidak mahu melakukannya. [KL:A3]

(ii) Kekangan proses penyemakan semula kurikulum

Kehendak pihak industri juga selalunya tidak dapat dilayan kerana prosedur yang perlu dilalui bagi sebarang penukaran (lebih daripada 30 peratus) kurikulum yang telah diluluskan mengambil masa.

...jika kami ingin melakukan perubahan major, terlalu banyak proses yang terpaksa kami lalui. Ia bukanlah satu proses yang singkat. Jika pihak industri memberikan maklum balas, kadangkala mereka memerlukan kami untuk beroperasi dengan kadar segera, seperti yang diketahui, kami tidak berupaya melaksanakannya. Kami perlu melalui semua prose akademik. [P:A4]

(iii) Kekangan struktur kurikulum

Struktur kurikulum yang menggunakan bilangan jumlah kredit sebagai pengukur pelengkap sesuatu program pengajian dan kaitannya dengan tempoh pengajian, iaitu tiga tahun dirasakan oleh pihak akademik menjadi punca siswazah masa ini terhad dari segi pemantapan ilmu pengetahuan dan terjejas dari segi pengamatan kemahiran dalam kecekapan berkaitan dengan kebolehpasaran.

...para pelajar mengambil lebih kurang 21 ke 24 jam kredit setiap semester dan terdapat juga rungutan daripada pensyarah yang mengatakan bahawa pelajar tidak boleh menganalisis apabila diberikan kajian kes dan sebagainya. Oleh itu, kami

mengatakan bahawa anda harus mengkaji semula kurikulum. Mereka memerlukan masa untuk merenung dan berfikir, untuk menganalisis, anda harus memberikan mereka masa untuk membaca. [KL:A2]

...latih mereka, dalam komunikasi, pembentangan, pembawaan diri dan sebagainya...atau sekurang-kurangnya... untuk menulis surat... untuk membentang... untuk menghadiri temu duga... digabungkan dalam subjek yang memerlukan mereka untuk membentangkan projek, dan mereka juga perlu menyiapkan tugas, melakukan penyelidikan dan sebagainya. Mereka perlu berkomunikasi... oleh itu, saya fikir inilah masalah yang sebenar. Bukan sebenarnya tentang kurikulum semata-mata. [P:A3]

...80 peratus dasarnya masih relevan, bukannya ketinggalan. Ia merupakan subjek asas yang ingin kita ajar. Mungkin ada ruang yang perlu ditingkatkan. Seperti yang anda ketahui, dari sinilah datangnya 20 peratus itu, kursus universiti dan lima peratus lagi lain-lain. Inilah bahagian yang perlu kita renungkan kembali dan melihat cara kita boleh menyesuaikan keperluan dan jangkaan kerajaan serta paksaan daripada industri. [KL:A2]

(iv) *Kekangan dalam usaha sama universiti-industri: Latihan industri*

Pihak universiti mengakui kepentingan usaha sama antara universiti dengan pihak industri, khususnya bagi menjayakan program latihan industri. Program tersebut merupakan hubungan dengan dunia luar yang dianggap amat berguna dan diperlukan dalam menyediakan pelajar IPTA untuk dunia pekerjaan. Walaupun begitu, terdapat banyak masalah dalam menjayakan program latihan industri. Berikut ialah pendapat para akademik berkenaan dengan masalah ini.

- **Kekangan penempatan latihan industri**

... amat sukar untuk mendapatkan penempatan kerana terlalu banyak industri dan pelajar bersaing sesama sendiri, kami mengharap pihak industri boleh menyediakan lebih tempat untuk para pelajar. [KL:A1]

...disebabkan kesukaran penempatan untuk latihan praktikal, latihan praktikal pada masa ini adalah pilihan. [P:A5]

...untuk mendapatkan penempatan, begitu juga pihak industri, mereka juga agak memilih. Mereka hanya mahukan pelajar cemerlang yang dihantar ke syarikat mereka. Apa akan jadi pada yang lain? Jadi, kami menghadapi masalah yang besar... Mereka hanya mahukan PNGK 3.5 atau 3.5 ke atas sahaja... [P:A5]

- **Kekangan kualiti pengalaman latihan industri**

Aktiviti latihan industri perlu bermakna dan relevan dalam bidang pengkhususan pelajar. Kemahiran pengurusan projek perlu ditekankan dan diberikan keutamaan.

- **Kekangan tempoh latihan industri**

Tempoh bagi latihan industri perlu dipanjangkan dan pelaksanaannya mesti diselenggara bersama rakan industri. Ahli akademik (dan pihak majikan) menyatakan bahawa latihan industri patut dijalankan sepanjang tahun dan bukannya serentak atau pada suatu masa yang sama, dan perlu dipanjangkan sehingga ke enam bulan. Namun begitu, oleh sebab kekangan yang dihadapi, latihan industri tidak diwajibkan terhadap para pelajar universiti.

Bagi pelajar sains tulen... kami menggalakkan mereka menjalani latihan industri selama dua bulan di tempat yang kami cari atau yang mereka cari sendiri, mengetahui perkara yang patut kami atasi... hampir 500 orang pelajar dan terpaksa bersaing dengan 20 buah universiti lain. Adalah sukar untuk mendapatkan tempat. Sebab itulah ia tidak wajib. Kami juga mencuba di Uxx itu sendiri kepada sesiapa yang tidak mendapat tempat di luar, kami juga cuba menyerap mereka ke dalam aktiviti penyelidikan dan pembangunan di makmal, untuk membiasakan mereka dengan latihan industri. [P:A3]

Amat penting keperluan, matlamat dan objektif serta perancangan program latihan industri dalam kurikulum universiti disemak semula. Cadangan untuk mewajibkan dan menambah tempoh latihan industri amat dialu-alukan oleh pihak universiti.

Latihan industri, kita naikkan dari tiga bulan kepada enam bulan. Kita fokus kepada industri juga, pendapat dari industri juga. Sesetengah industri memang memerlukan pelajar tersebut dan akan diserap terus selepas tamat belajar. Perlu kerjasama antara universiti dengan industri dan maklumat kita yang ada boleh diguna pakai di luar. Maknanya kalau pelajar kita memohon kerja di negara luar, dia boleh bekerja di sana... [T:A3]

(d) Isu penggunaan bahasa Inggeris dalam pengajaran di universiti dan keperluannya untuk kebolehpasaran

Penguasaan bahasa Inggeris adalah penting bagi siswazah dalam mengamati bidang pengajian dan literasi tempat kerja. Oleh sebab itu keupayaan pensyarah bidang sains dan teknologi untuk mengajar dalam bahasa Inggeris amat penting:

... mereka mengutamakan pelajar yang boleh berbahasa Inggeris. [KL:A1]

...realitinya, keutamaan kepada pelajar yang boleh berbahasa Inggeris. Oleh itu, pensyarah yang kurang mahir berbahasa Inggeris tidak sepatutnya tersinggung apabila dikritik bahawa mereka tidak bagus berbahasa Inggeris dan sebagainya. Hal ini kerana pendidikan awal di negara kita bukannya dalam bahasa Inggeris. Tetapi kita perlulah proaktif dan membaiki diri dan saya fikir perlu ada program berstruktur kepada semua pensyarah yang mempunyai latar belakang Melayu atau berpendidikan Melayu untuk meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris mereka. [KL:A3]

Dapatan ini juga disokong (dengan frekuensi yang tinggi) oleh responden universiti yang mengakui akan kepentingan bahasa Inggeris untuk dunia pekerjaan (Ambigapathy dan Aniswal, 2005).

Kesimpulan

Bahagian ini membentangkan dan menganalisis dapatan kajian dari perspektif universiti berkenaan dengan kurikulum universiti dan kemampuannya untuk menjamin kebolehpasaran serta menepati keperluan kemahiran abad ke-21 yang dituntut dalam dunia pekerjaan dalam era globalisasi dan teknologi maklumat. Ternyata dapatan kajian ini menyokong dapatan Ambigapathy dan Aniswal (2005). Walaupun begitu, kajian ini berjaya memberikan input yang lebih mendalam berkenaan dengan cabaran dan kekangan yang dihadapi oleh pihak akademik dalam menjayakan kurikulum universiti dan menjamin kerelevanannya bagi mencapai matlamat kebolehpasaran siswazah.

Dapatan Kajian dari Perspektif Siswazah

Sesi temu bual dengan dua puluh dua orang siswazah dari tiga pusat temu duga dijalankan bagi meninjau kemahiran dan kecekapan siswazah yang diperlukan oleh pasaran pekerjaan, dan mengkaji kurikulum universiti dari perspektif siswazah. Semua siswazah, kecuali seorang, pernah menghadiri temu duga dan sehingga temu duga ini dijalankan, semua siswazah berkenaan masih belum mempunyai pekerjaan tetap. Mereka ialah lepasan dalam bidang sains dan teknologi maklumat. Kutipan daripada wakil-wakil dipaparkan untuk memperjelas pendapat mereka (sila rujuk transkripsi penuh di Lampiran 6).

Kemahiran dan Kecekapan dalam Pasaran Pekerjaan

Secara am, kemahiran dan kecekapan yang diperlukan di tempat kerja sebagaimana yang dilaporkan oleh siswazah tercakup dalam dua kemahiran asas: kemahiran literasi alaf digital dan komunikasi efektif. Kedua-dua jenis kemahiran ini, berdasarkan tinjauan literatur, merupakan sebahagian kemahiran yang diperlukan oleh industri dan disimpulkan sebagai literasi tempat kerja yang diperlukan oleh siswazah agar dapat berfungsi dengan baik dalam dunia pekerjaan.

(a) Kemahiran literasi alaf digital

Kemahiran berbahasa asing, khususnya bahasa Inggeris, ialah kemahiran berkaitan yang dimaksudkan dalam hal ini. Temu duga kebanyakannya diadakan dalam bahasa Inggeris dan kelemahan siswazah menggunakan bahasa ini menyebabkan mereka tidak dapat merebut peluang pekerjaan yang ada, seperti yang dinyatakan dalam beberapa kenyataan di bawah:

Semasa menghadiri temu duga, saya fikir kemahiran berbahasa adalah yang paling penting. Walaupun kita tidak boleh bertutur, kita mesti juga bertutur menggunakan bahasa Inggeris. [J:UG1]

Bahasa yang digunakan kebanyakannya bahasa Inggeris. Jadi kebanyakan temu duga, saya tidak dapat buat dengan sebaik-baiknya. [T:UG8]

Kebanyakan temu duga sekarang ini menggunakan bahasa Inggeris. Kebanyakan daripada siswazah kita kurang kebolehan untuk berkomunikasi dalam bahasa Inggeris. [P:UG4]

Saya rasa saya tidak terpilih kerana bahasa Inggeris saya agaknya. [P:UG5]

Data kuantitatif di bawah mengesahkan dapatan kualitatif di atas, iaitu 15 (4.7 peratus) siswazah universiti tidak bersetuju bahawa bahasa Inggeris penting, manakala 302 orang (95.3 peratus) siswazah bersetuju bahawa kemahiran ini adalah penting.

Jadual 4.12: Persepsi siswazah universiti terhadap bahasa Inggeris

Bil.	Faktor pemerolesan pekerjaan	Tidak bersetuju sepenuhnya		Sangat tidak bersetuju		Bersetuju		Sangat bersetuju		Bersetuju sepenuhnya	
		Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
1.	Bahasa Inggeris merupakan faktor paling penting	-	-	15	4.7	51	16.1	63	19.9	188	59.3

Jadual di bawah menunjukkan data kuantitatif bagi persepsi siswazah universiti terhadap kemahiran literasi alaf digital.

Jadual 4.13: Persepsi siswazah universiti terhadap kemahiran literasi alaf digital

Bil.	Kemahiran	Tidak penting langsung		Kurang penting		Penting		Sangat penting		Amat penting	
		Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
1.	Literasi asas	-	-	1	0.3	46	15.1	142	46.6	116	38.0
2.	Literasi saintifik	-	-	1	0.3	109	35.5	141	45.9	56	18.2
3.	Literasi informasi	-	-	1	0.3	71	23.1	198	64.5	37	12.1
4.	Literasi visual	1	0.3	28	9.1	102	33.2	142	46.3	34	11.1
5.	Literasi informasi	1	0.3	3	1.0	124	40.4	143	46.6	36	11.7
6.	Literasi pelbagai budaya	2	0.7	23	7.5	128	41.7	119	38.8	35	11.4
7.	Kesedaran global	1	0.3	1	0.3	153	48.6	108	34.3	52	16.5

Bagi literasi asas, literasi saintifik dan literasi informasi, didapati bahawa seorang (0.3 peratus) siswazah universiti menganggapnya tidak penting, manakala 304 orang (99.7 peratus) siswazah universiti menganggapnya penting. Bagi literasi visual, didapati bahawa 29 orang (9.4 peratus) siswazah universiti menganggapnya tidak penting, manakala 278 orang (90.6 peratus) siswazah universiti menganggapnya penting. Bagi literasi informasi, didapati bahawa empat orang (1.3 peratus) siswazah universiti menganggapnya tidak penting, manakala 303 orang (98.7 peratus) siswazah universiti menganggapnya penting. Bagi literasi pelbagai budaya, didapati bahawa 25 orang (8.2 peratus) siswazah universiti menganggapnya tidak penting, manakala 282 orang (91.8 peratus) siswazah universiti menganggapnya penting. Bagi kesedaran global, didapati bahawa dua orang (0.6 peratus) siswazah universiti menganggapnya tidak penting, manakala 313 orang (99.4 peratus) siswazah universiti menganggapnya penting.

(b) Kemahiran komunikasi efektif

Kelemahan dalam kemahiran komunikasi efektif dikenal pasti sebagai salah satu faktor yang mengurangkan peluang siswazah untuk mendapatkan pekerjaan. Paling menonjol daripada data ialah penekanan majikan kepada kemahiran interpersonal dan kemahiran komunikasi interaktif; kedua-duanya didapati berkait rapat dengan kemahiran siswazah menggunakan bahasa Inggeris dan tahap keyakinan diri mereka:

Kami ada isi penting yang hendak diberitahu tetapi untuk bercakap tentang isi penting itu kami tidak boleh. [J:UG5]

Macam-macam boleh buat untuk mengelakkan diri kita dalam pengangguran sebenarnya, tetapi disebabkan masalah keyakinan diri, masalah komunikasi dan sebab itulah kita ini salah seorang daripada penganggur. [T:UG10]

Setakat ini sepanjang saya pergi temu duga, bahasa Inggeris, kemahiran insaniah dan komunikasi ialah kemahiran yang sangat penting. [J:UG2]

Sama juga, mereka perlukan kemahiran insaniah, bahasa, di samping itu, industri ini mahukan pengalaman. Dia akan beri satu topik dan kita kena kaitkan dengan perkhidmatan yang ada. Jadi, kena mahir berkomunikasi. [J:UG3]

Yang penting kita mempunyai kemahiran insaniah selain daripada kemahiran lain, cara kita interaksi dengan majikan semuanya nanti. [T:UG8]

...kita mantapkan kemahiran generik sebab kemahiran generik itu penting. Seperti kemahiran komunikasi juga sebab komunikasi itu sangat penting kini. Seperti bahasa Inggeris, kita kena mantapkan... [P:UG4]

Dalam erti kata lain, kebolehan berbahasa Inggeris sahaja tidak mencukupi bagi industri, malah mereka mengharapkan siswazah juga mestilah boleh menggunakannya secara efektif.

Kemahiran interpersonal yang disentuh ialah keyakinan diri dalam kalangan para siswazah yang menjadi salah satu faktor penting dalam menentukan mereka mendapatkan pekerjaan.

Bagi saya kadang-kadang kalau masa temu duga tu tengok keyakinan kita juga. Keyakinan untuk meyakinkan majikan untuk diterima bekerja. Itu yang penting. [T:UG8]

...macam kawan saya, dia pun tidak pandai bercakap bahasa Inggeris tetapi sekarang dia sudah bekerja di syarikat besar,... gajinya RM1,710, saya rasa dia tidak pandai bercakap. Tetapi semasa dia bercakap, dia bercakap dengan penuh keyakinan, sehinggakan penemuduga itu berkata, "Wah, saya suka kamu, kamu kelihatan sungguh yakin". [J:UG1]

Saya bersetuju dengan xy sebab kita bukannya tidak belajar bahasa Inggeris tetapi sebenarnya dari sekolah rendah sampai ke peringkat tinggi pun kita belajar bahasa Inggeris. Tetapi, masalahnya sekarang ialah keyakinan kita... dan masalah utama kita di samping keyakinan kita... hendak gunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua. Kita rasa kita akan diketawakan apabila kesilapan menyebut terma-terma dalam bahasa Inggeris. [T:UG10]

Yang penting keyakinan kita sendiri. Tidak semestinya kita tahu bahasa Inggeris kita tahu segala-galanya. Macam bahasa Inggeris ini bagi saya satu landasan untuk mendapatkan maklumat, tetapi kalau kita cuma tahu teori, tidak mahir dari segi praktikal tidak ada gunanya juga. [T:UG7]

Keyakinan itu datang daripada pengalaman kita. Memanglah kalau kita kata apabila kali pertama pergi temu duga dan terus dapat itu dikira bernasib baik. Tetapi kalau tidak dapat itu, mungkin kita boleh tambahkan keyakinan diri, cara kita bercakap, cara kita pergi temu duga. [T:UG8]

Keyakinan diri boleh dikaitkan dengan ketidakmampuan para siswazah menonjolkan ketrampilan diri mereka kepada majikan dan kelemahan mereka menggunakan bahasa Inggeris (seperti yang telah disebutkan di atas), serta persekitaran pembelajaran yang seolah-olah 'terpencil' dari dunia sebenar.

Salah satu kelemahan semasa temu duga ialah mereka tidak tahu untuk menjual diri mereka. Kalau masa temu duga tu kita sama sahaja dengan calon lain, jadi apa bezanya kita dengan yang lain? Salah satu kelemahannya kita lemah bahasa Inggeris. [P:UG3]

Bagi saya berdasarkan pengalaman bertahun-tahun di Ux, saya lihat kebanyakan pelajar ini terkongkong sebab berada dalam lingkungan mereka sahaja, tidak bercampur dengan dunia luar, pergi kelas, buat tugasan dan sebagainya selama tiga tahun. Maknanya penglibatan dengan masyarakat luar juga kurang. Apabila mereka berjumpa dengan yang lebih tua atau yang banyak pengalaman, mereka rasa rendah diri dan tidak tahu untuk mengucapkan salam. [T:UG7]

Semua pelajar yang masuk universiti berubah pada tahun ketiga mereka ke sini... dengan perubahan ini semua, bercampur dengan budak-budak lain... seperti membuang masa, bermain permainan komputer di dalam bilik, keluar masuk lambat. [J:UG5]

Penguasaan bahasa Inggeris pula dikaitkan dengan sikap terhadap penggunaan bahasa tersebut.

Saya tidak latih diri saya sendiri. Tiada teman yang boleh diajak lawan bicara. Kadang-kadang kawan pun tergelak apabila kita bercakap. Seperti masa di universiti dulu... sama-sama segan agaknya. [P:UG4]

...jika tidak praktik, tidak ada gunanya juga, kan? Kadang-kadang hendak bercakap bahasa Inggeris sesama kita pun malu. Kita kena ubah pemikiran kita sebab kadang-kadang apabila ada yang hendak bercakap bahasa Inggeris, ada yang kata melampau. Kebanyakan... [T:UG11]

Ia bergantung kepada pelajar juga apabila pelajar itu tidak ada...seperti tiada semangat untuk belajar bahasa Inggeris, dia asyik bercakap bahasa Melayu sahaja, oleh itu saya fikir bahasa Inggeris sangat penting walaupun kita tidak boleh bercakap, kita perlu cakap sahaja, tidak kisahlah benda itu huru-hara, macam saya juga tidak pandai bercakap bahasa Inggeris bukan hendak berlagak apa-apa tetapi inilah masalah kita, kalau kita bercakap bahasa Inggeris macam kita berlagak tetapi tidak sebenarnya. [J:UG1]

Kenyataan di atas sebenarnya menggambarkan bahawa sifat pemusatan sendiri (*introversion*) dalam kalangan pelajar sebenarnya terpupuk dari awal lagi, apabila mereka sama-sama segan untuk menggunakan bahasa Inggeris sewaktu di universiti. Sikap ini terbawa-bawa hingga mungkin menjadi penyebab mereka tidak memperoleh pekerjaan. Hal yang menarik berkaitan aspek komunikasi efektif dan juga kesukaran mereka mendapat pekerjaan ialah rata-rata siswazah mengambil sikap menyalahkan diri sendiri.

Bagi saya universiti sudah menyediakan yang terbaik untuk pelajar. Cuma diri sendiri yang tidak mampu bersaing. [P:UG3]

Saya tidak salahkan siapa-siapa cuma salahkan diri sendiri. [T:UG7]

...diri sendiri perlu ada inisiatif. Perlu mantapkan pengetahuan kita. Kita sendiri perlu buat. [P:UG4]

Saya (salahkan diri) sendiri. Sebab saya tidak membaiki bahasa Inggeris. [J:UG4]

Apa-apa yang universiti beri sudah cukup tetapi perlu ada usaha sendiri. [P:UG5]

Tetapi saya tidak salahkan pihak universiti... Benda-benda itu sebenarnya boleh belajar sendiri. [P:UG5]

Kepentingan kedua-dua jenis kemahiran, iaitu kemahiran literasi alaf digital dan komunikasi efektif juga jelas apabila majikan mahukan siswazah yang berpengalaman untuk diambil bekerja.

Alasan dia (tidak mengambil siswazah bekerja) sebab saya tidak ada pengalaman. Dia kata saya perlu bekerja di tempat lain dahulu. [P:UG1]

Kebanyakan syarikat tidak mengambil siswazah yang baru tamat belajar. [T:UG8]

Perkara yang sangat penting ialah pengalaman. Syarikat yang saya pergi, mereka akan bertanya tentang pengalaman saya sebelum ini. Jadi, sebagai siswazah yang baru tamat belajar ini menjadi sedikit masalah untuk bersaing dengan orang lain. [J:UG2]

...tetapi semasa temu duga mereka kata saya tidak mempunyai pengalaman. Sebenarnya pengalaman saya tidaklah banyak, kemudian mereka kata saya perlu ada pengalaman yang relevan dengan jawatan yang dipohon. [P:UG3]

Jadual di bawah menunjukkan data kuantitatif bagi persepsi siswazah universiti terhadap kemahiran literasi alaf digital.

Jadual 4.14: Persepsi siswazah universiti terhadap literasi alaf digital

Bil.	Kemahiran	Tidak penting langsung		Kurang penting		Penting		Sangat penting		Amat penting	
		Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
1.	Perkumpulan	-	-	-	-	55	17.5	172	54.6	88	27.9
2.	Usaha sama	-	-	9	2.9	80	25.4	132	41.9	94	29.8
3.	Kemahiran interpersonal	-	-	9	2.8	18	5.7	130	41.1	159	50.3
4.	Tanggungjawab personal	-	-	2	0.6	23	7.3	141	44.6	150	47.5
5.	Tanggungjawab sosial dan sivik	1	0.3	-	-	44	13.9	180	57.0	91	28.8
6.	Komunikasi interaktif	-	-	10	3.2	74	23.4	105	33.2	127	40.2

Bagi perkumpulan, didapati bahawa semua 315 orang (100 peratus) siswazah universiti menganggapnya penting. Bagi usaha sama dan kemahiran interpersonal, didapati bahawa sembilan orang (2.9 peratus) siswazah universiti menganggapnya tidak penting, manakala 306 orang (97.1 peratus) siswazah universiti menganggapnya penting. Bagi tanggungjawab personal, didapati bahawa dua orang (0.6 peratus) siswazah universiti menganggapnya tidak penting, manakala 314 orang (99.4 peratus) siswazah universiti menganggapnya penting. Bagi tanggungjawab sosial dan sivik, didapati bahawa seorang (0.3 peratus) siswazah universiti menganggapnya tidak penting, manakala 315 orang (99.7 peratus) siswazah universiti menganggapnya penting. Bagi komunikasi interaktif, didapati bahawa 10 orang (3.2 peratus) siswazah

universiti menganggapnya tidak penting, manakala 306 orang (96.8 peratus) siswazah universiti menganggapnya penting.

Jadual di bawah menunjukkan data kuantitatif bagi persepsi siswazah universiti terhadap kemahiran pemikiran inventif.

Jadual 4.15: Persepsi siswazah universiti terhadap kemahiran pemikiran inventif

Bil.	Kemahiran	Tidak penting langsung		Kurang penting		Penting		Sangat penting		Amat penting	
		Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
1.	Menyesuai/ menguruskan kekompleksan	-	-	10	3.2	92	29.0	139	43.8	76	24.0
2.	Hala tuju sendiri	-	-	11	3.5	64	20.2	177	55.8	65	20.5
3.	Ingin tahu	9	2.8	14	4.4	87	27.4	154	48	53	16.7
4.	Kreativiti	-	-	1	0.3	45	14.2	230	72.6	41	12.9
5.	Mengambil risiko	1	0.3	13	4.1	70	22.1	150	47.3	83	26.2
6.	Kemahiran berfikir tinggi	2	0.6	2	0.6	63	19.9	191	60.3	59	18.6
7.	Penaakulan logik	2	0.6	52	16.4	62	19.6	154	48.6	47	14.8

Bagi menyesuaikan atau menguruskan kekompleksan, didapati bahawa 10 orang (3.2 peratus) siswazah universiti menganggapnya tidak penting, manakala 307 orang (96.8 peratus) siswazah universiti menganggapnya penting. Bagi hala tuju sendiri, didapati bahawa 11 orang (3.5 peratus) siswazah universiti menganggapnya tidak penting, manakala 306 orang (96.5 peratus) siswazah universiti menganggapnya penting. Bagi ingin tahu, didapati bahawa 23 orang (7.2 peratus) siswazah universiti menganggapnya tidak penting, manakala 294 orang (92.8 peratus) siswazah universiti menganggapnya penting. Bagi kreativiti, didapati bahawa seorang (0.3 peratus) siswazah universiti menganggapnya tidak penting, manakala 316 orang (99.7 peratus) siswazah universiti menganggapnya penting. Bagi mengambil risiko, didapati bahawa 14 orang (4.4 peratus) siswazah universiti menganggapnya tidak penting, manakala 303 orang (95.6 peratus) siswazah universiti menganggapnya penting. Bagi kemahiran berfikir tinggi, didapati bahawa empat orang (1.2 peratus) siswazah universiti menganggapnya tidak penting, manakala 313 orang (98.8 peratus) siswazah universiti menganggapnya penting. Bagi penaakulan logik, didapati bahawa 54 orang (17.0 peratus) siswazah universiti menganggapnya tidak penting, manakala 263 orang (83 peratus) siswazah universiti menganggapnya penting.

Jadual di bawah menunjukkan persepsi siswazah universiti terhadap kemahiran produktiviti tinggi.

Jadual 4.16: Persepsi siswazah universiti terhadap kemahiran produktiviti tinggi

Bil.	Kemahiran	Tidak penting langsung		Kurang penting		Penting		Sangat penting		Amat penting	
		Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
1.	Keutamaan	1	0.3	3	0.9	119	37.5	150	47.3	44	13.9
2.	Perancangan	2	0.6	3	0.9	37	11.7	168	53.0	107	33.8
3.	Menguruskan hasil	1	0.3	2	0.6	63	19.9	165	52.1	86	27.1
4.	Penggunaan peralatan dunia sebenar yang efektif	1	0.3	12	3.9	86	28.1	170	55.6	37	12.1
5.	Kebolehan untuk menghasilkan produk yang relevan dan berkualiti tinggi	-	-	22	7.3	75	25.0	157	52.3	46	15.3

Bagi keutamaan, didapati bahawa empat orang (1.2 peratus) siswazah universiti menganggapnya tidak penting, manakala 313 orang (98.8 peratus) siswazah universiti menganggapnya penting. Bagi perancangan, didapati bahawa lima orang (1.5 peratus) siswazah universiti menganggapnya tidak penting, manakala 312 orang (98.5 peratus) siswazah universiti menganggapnya penting. Bagi menguruskan hasil, didapati bahawa tiga orang (0.9 peratus) siswazah universiti menganggapnya tidak penting, manakala 314 orang (99.1 peratus) siswazah universiti menganggapnya penting. Bagi penggunaan peralatan dunia sebenar yang efektif, didapati bahawa 13 orang (4.2 peratus) siswazah universiti menganggapnya tidak penting, manakala 293 orang (95.8 peratus) siswazah universiti menganggapnya penting. Bagi kebolehan untuk menghasilkan produk yang relevan dan berkualiti tinggi, didapati bahawa 22 orang (7.3 peratus) siswazah universiti menganggapnya tidak penting, manakala 278 orang (92.7 peratus) siswazah universiti menganggapnya penting.

Kurikulum Universiti

Para siswazah mengakui bahawa universiti amnya berfungsi untuk menyampaikan dan mengembangkan ilmu, memberikan asas dan garis panduan untuk digunakan oleh pelajar pada masa hadapan dan menjadi tempat pembinaan sahsiah.

Universiti ini untuk menyalurkan pengetahuan, dan untuk mendidik sahsiah diri.
[P:UG4]

Di universiti memang belajar teori, tapi proses pembelajaran pelajar yang patut cuba untuk membina sendiri. Macam universiti tidak boleh hendak bagi semuanya. Semuanya atas inisiatif pelajar. **[P:UG3]**

Universiti ini tempat melahirkan masyarakat berilmu. Universiti menjadi tempat untuk perkembangan ilmu sahaja. [P:UG6]

...peranan universiti terutamanya Uxx yang sebenarnya untuk menghasilkan output yang baik. Macam kilang juga. Kalau kita produk yang baik sudah tentu kita akan menghasilkan produk yang baik juga. Oleh itu, syarikat perlu mencari produk yang baik, iaitu siswazah yang baru tamat belajar yang baik untuk menghasilkan produk yang baik juga di syarikat mereka. [J:UG1]

Universiti ini sebagai pemandu arah kepada pelajar. Universiti tidak boleh hendak menjanjikan pekerjaan. Boleh membantu dari segi hendak memantapkan diri. Pelajar belajar daripada budaya di universiti tu sendiri. Budaya itulah yang banyak membina personaliti. [P:UG3]

Universiti ni sebagai garis panduan, bagi kredit kepada seseorang untuk dimasukkan dalam resume. Tetapi apabila hendak bekerja, kita tidak bergantung kepada ilmu pendidikan sahaja. Ilmu ni hanya sebagai asas... kita tidak boleh hendak salahkan universiti juga. Diri sendiri juga yang perlu bersedia [P:UG5]

Walau bagaimanapun, fungsi-fungsi ini tidak dirangkumi oleh kemahiran abad ke-21 yang jelas diperlukan oleh industri kini. Hal yang menghairankan adalah walaupun hal ini berlaku, para siswazah bersifat menerima apa-apa sahaja dan akhirnya menyalahkan diri mereka sendiri kerana tidak mempunyai kriteria tertentu yang diperlukan oleh industri. Pendekatan sebegini menggambarkan bahawa sikap menerima apa-apa saja ialah satu kelemahan yang perlu diatasi oleh para siswazah kerana sikap ini menggambarkan ketiadaan proaktiviti dan hala tuju sendiri dalam kalangan siswazah; iaitu kelemahan dalam kemahiran pemikiran inventif.

Tidak boleh hendak menyalahkan sesiapa. Kena cari sendiri kerja itu. [P:UG1]

Bagi saya universiti sudah sediakan yang terbaik untuk pelajar. Cuma diri sendiri yang tidak mampu bersaing. [P:UG3]

Saya tidak salahkan siapa-siapa cuma salahkan diri sendiri. [T:UG7]

Diri sendiri perlu ada inisiatif. Kena mantapkan pengetahuan kita. Kita sendiri perlu buat. [P:UG4]

Perkara yang universiti beri sudah cukup tetapi kena ada usaha sendiri. [P:UG5]

Tetapi saya tidak salahkan pihak universiti... Benda-benda tu sebenarnya boleh belajar sendiri. [P:UG5]

Bukan salah universiti. Bukan Uxx saja yang ada siswazah, saingan sekarang ni banyak. Kerja banyak tetapi peluang itu kita tidak nampak... Sebab majikan cuma memilih yang paling baik. [P:UG6]

Terdapat universiti yang berusaha menyediakan siswazah untuk menghadapi dunia pekerjaan secara amnya ataupun melalui program-program khusus. Program-program ini didapati memberi penekanan kepada kemahiran spesifik untuk meningkatkan peluang pekerjaan seseorang itu, terutamanya dalam kemahiran komunikasi efektif.

Bagi saya universiti sudah sediakan yang terbaik untuk pelajar. [P:UG3]

Terpulang kepada pelajar sebenarnya sebab universiti hanya sediakan asas saja, selebihnya terpulanglah kepada pelajar untuk fokus bagi apa-apa yang dikehendaki. [T:UG10]

Di fakulti saya, kami ada seminar "How to Get Employed". Seminar ini menggunakan bahasa Inggeris sepenuhnya. Melalui seminar ini kami mengetahui cara untuk diambil bekerja. Bahasa Inggeris sangat penting, oleh itu kami meningkatkan kemahiran tersebut semasa seminar. [J:UG1]

Di fakulti saya juga menyediakan pelajar untuk mendapatkan pekerjaan. Mereka membentangkan tentang kemahiran dan motivasi tetapi masanya tidak cukup. Biasanya diadakan selepas peperiksaan hanya untuk mengumpul mata bagi mendapatkan grednya. Perkara itu tidak begitu praktikal, sepatutnya perkara ini perlu lebih ditekankan. [J:UG2]

Di universiti saya, kita ada temu duga percubaan. [J:UG4]

Contohnya saya jurusan Maritim, memang ada latihan industri. Jadi Uxx memang menyediakan saya ke alam pekerjaan... Semasa saya membuat latihan industri berkenaan dengan jurusan yang saya ambil, majikan kena iktiraf lah sebab kita siswazah tidak ada pengalaman bekerja dan belum merasai alam pekerjaan. [T:UG8]

Bagi saya universiti sudah sediakan yang terbaik untuk pelajar. Cuma diri sendiri yang tidak mampu bersaing. [P:UG3]

Walau bagaimanapun, para siswazah mengemukakan beberapa cadangan penambahbaikan kurikulum universiti yang dilihat dapat membantu dalam memperkembang kemahiran inventif dan produktiviti tinggi dalam kalangan siswazah. Contohnya sepertimana yang dapat dirumuskan dalam kenyataan berikut:

Kita wujudkan satu kursus yang berkaitan dengan usahawan sebab dari lebihnya usahawan itu kita boleh buat siswazah baru berjaya. Masalahnya ialah kebanyakan siswazah ini tidak ada modal untuk menjadi usahawan. Tetapi mereka akan tahu risiko yang dihadapi oleh seorang usahawan. Kita kena khususkan juga dari awal, apa-apa produk yang perlu dikeluarkan. Kita kaji dari awal. Produk yang negara ini patut ada, apa yang perlu dikeluarkan? Buat kursus usahawan major di semua universiti. [J:UG1]

Siswazah juga melaporkan bahawa setelah menghadiri temu duga, mereka merasakan bahawa kursus-kursus yang diambil di universiti tidak diperhalus, sama ada dari aspek kedalaman (*depth*) kandungan, padanan dengan kehendak industri atau masa yang diambil untuk kursus tersebut:

Kami belajar semua tetapi sikit-sikit sahaja, tidak fokus sangat. Jadi apabila hendak bekerja, jadi masalah pada kita sebab kita tidak ada menjurus secara spesifik dalam mana-mana bidang. [T:UG1]

Kursus Biologi ini terlalu meluas, mencakupi bidang pemasaran hinggalah ke bidang sains. Kalau kita hendak fokus kepada satu-satu lebih baik kita sambung dulu, masa tu baru kita fokuskan ke arah tujuan kita. [T:UG11]

Macam kami dalam bidang Sains Marin, kami belajar tidak boleh jadi pakar sebab kami belajar sana sikit, sini sikit. Jadi tidak ada bidang khusus... kami tidak belajar secara mendalam dalam bidang tersebut. [T:UG6]

Tiada tempat kerja untuk kursus yang ditawarkan di universiti. [J:UG3]

...contohnya universiti mungkin boleh bekerjasama dengan industri sebab pelajar tidak tahu hendak menyalurkan keperluan. Mungkin ada yang berpadanan, ada yang tidak berpadanan. [P:UG4]

Di fakulti saya juga menyediakan pelajar untuk mendapatkan pekerjaan... mereka membuat pembentangan, subjek, juga motivasi tetapi bagi saya semua itu masa tidak mencukupi, bagi contohnya kalau subjek, pembentangan perniagaan juga digunakan dalam industri, tetapi kalau dalam subjek pun apabila ada pembentangan, masa peruntukan itu... [J:UG2]

Keadaan ini menyebabkan mereka dipandang lemah dalam bidang ilmu yang diambil, yang menyumbang kepada kekurangan peluang untuk diambil bekerja.

Berkenaan dengan latihan industri, didapati bahawa terdapat universiti yang mewajibkan latihan industri dalam tempoh yang pendek, manakala ada pula universiti yang tidak mewajibkannya (rujuk Dapatan Industri), dan kedua-duanya tidak membantu dalam meningkatkan peluang pekerjaan siswazah. Latihan industri pula perlu sepadan dan sesuai dengan program yang diambil pelajar supaya siswazah dapat dilihat sebagai insan yang mempunyai kemahiran literasi alaf digital (seperti literasi teknologi dan literasi maklumat) dan kemahiran komunikasi efektif.

Kelemahan kursus saya tidak ada praktikal sebab kursus baharu. Latihan praktikal ini boleh membantu kita untuk mendapatkan liputan dan boleh menyebabkan peluang untuk mendapatkan pekerjaan lebih tinggi. Macam saya ini, apabila sudah mengambil Skim Latihan Siswazah barulah boleh nampak peluang kerja sebab baru ada praktikal. [P:UG3]

Industri mengutamakan orang yang ada kemahiran sedia ada. [P:UG4]

Saya rasa untuk kursus teknologi maklumat macam saya tidak cukup dari segi praktikal. Contohnya saya pelajar rangkaian (network) tetapi tidak tahu dari segi praktikalnya. Kita tahu ini kabel, ini hab melalui dalam buku teks tetapi kenyataannya kita tidak tahu cara penyambungannya. Sekurang-kurangnya biarlah ada makmal untuk kami praktik sendiri perkara yang kami belajar di dalam kelas. Lebih bagus jikalau ditunjukkan alat-alat itu. [P:UG5]

Dari segi praktikal IT ada empat bulan. Lebih bagus cari tempat yang sesuai dengan kepakaran yang dipelajari. Contohnya saya praktikal di Syarikat X tidak boleh hendak mengaplikasikan perkara yang dipelajari... kalau ikut kerja yang diberikan kepada saya masa praktikal itu, saya memang tidak dapat praktik perkara yang saya belajar. Kalau ikut, praktikal itu kan hendak praktikkan perkara yang sudah kita belajar. Kalau tidak boleh itu macam mana? [P:UG5]

Dari segi penempatan tu memang penting sebab ada yang kena tempat praktikal yang tidak sesuai... mesti kita hendak cari tempat yang boleh aplikasi teori yang kita sudah belajar. Masa praktikal itu juga kami disuruh buat fotostat. Kalau bantah nanti menjejaskan markah kita pula. [P:UG6]

Bagi saya pula, sesuatu bidang yang ditawarkan perlu seiring dengan kehendak pasaran sebab pelajar sekarang tergagau-gagau mencari hala tuju selepas habis belajar. Apa yang ditawarkan untuk bidang mereka? ... Sebab peluang pekerjaan yang betul-betul ditawarkan oleh syarikat-syarikat dan kerajaan tidak banyak ditawarkan untuk mereka. Perkara yang paling penting, mana-mana bidang yang ditawarkan perlulah sesuai dengan permintaan semasa. [T:UG11]

Universiti perlu buat usaha sama dengan industri seperti petroleum. Hal ini akan menyenangkan semua. Sebab, semasa latihan, pergi latihan di industri itu, industri pun kenal kita dan lepas berijazah kerja di industri itu. [J:UG3]

Data kuantitatif di bawah mengesahkan dapatan kualitatif di atas, iaitu tiga orang (0.9 peratus) siswazah tidak bersetuju bahawa latihan industri adalah penting, manakala 314 orang (99.1 peratus) siswazah bersetuju bahawa latihan industri adalah penting.

Jadual 4.17: Persepsi siswazah universiti terhadap praktikal/latihan industri

Bil.	Faktor pemerolehan pekerjaan	Tidak bersetuju sepenuhnya		Sangat tidak bersetuju		Bersetuju		Sangat bersetuju		Bersetuju sepenuhnya	
		Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
1.	Praktikal/latihan industri yang baik adalah penting	2	0.6	1	0.3	24	7.6	83	26.2	207	65.3

Pendedahan kepada bahasa Inggeris di universiti juga didapati terhad; contohnya, walaupun nota kuliah dicatatkan dalam bahasa Inggeris, kuliah sendiri disampaikan

dalam bahasa Malaysia dan hal ini menyebabkan pelajar sukar untuk menggunakan bahasa Inggeris, yakni salah satu kemahiran literasi alaf digital (kemahiran bahasa).

Masa belajar dulu pun nota dalam bahasa Inggeris tapi kuliah dalam bahasa Melayu. Mungkin kita kena ubah cara tu agaknya. [P:UG4]

Kadang-kadang nota dan sukatan pelajaran memang dalam bahasa Inggeris, tapi penerangan kuliah kita dalam bahasa Melayu. Maknanya kita kurang aplikasilah. [T:UG2]

Dari aspek penyampaian kuliah dan penilaian pula, pensyarah memainkan peranan penting dalam memastikan pemahaman pelajar dan perkembangan kemahiran kritis dan kebolehan berfikir pada aras tinggi (kemahiran inventif). Pendekatan yang digunakan didapati penting dalam membantu pelajar universiti mengasah kemahiran yang diperlukan dalam dunia pekerjaan.

Cikgu perlu memainkan peranan. Pastikan pelajar faham konsep, bukan hanya menghafal saja, tetapi tidak faham pun... Kalau pelajar yang faham konsep, kalau soalan tu diubah macam mana pun masih boleh jawab. [P:UG3]

Saya rasa di fakulti saya... menyediakan pelajar untuk mendapatkan pekerjaan... mereka membentang, subjek, dan juga motivasi tetapi bagi saya semua itu dalam masa yang terhad, tidak mencukupi, bagi contohnya kalau subjek, pembentangan perniagaan pun digunakan dalam industri, tetapi kalau dalam subjek pun apabila ada pembentangan, masa peruntukan itu, kadang-kadang selepas peperiksaan, hanya untuk mengumpul markah... untuk mendapatkan grednya jadi perkara itu tidak praktikal sangatlah, sepatutnya perkara itu perlu ditekankan. Maksud saya... kadang-kadang selepas peperiksaan pun mereka buat, hanya untuk dapatkan 5 atau 10 mata, 10 mata yang dikutip untuk mencukupkan markah-markah yang lain. [J:UG2]

Sebenarnya cara ni (tutorial) bagus sangat sebab ia boleh menyumbang lebih banyak ke arah kemahiran komunikasi terhadap cara untuk meluahkan idea dan pengurusan inovatif. Oleh yang demikian, kita akan mengetahui untuk menghuraikan idea kepada pihak atasan. [P:UG3]

Kalau di Uxx soalan peperiksaannya lebih kepada analisis, aplikasi, parafrasa dan tidak hafal. Jadi kalau pelajar yang menghafal dia tidak dapat menjawab soalan jenis aplikasi. [P:UG3]

Kerjasama antara universiti dengan industri dalam pelbagai aspek kurikulum telah dicadangkan oleh para siswazah untuk membantu pelajar dalam dunia pekerjaan.

Universiti mungkin boleh bekerjasama dengan industri sebab pelajar tidak tahu hendak menyalurkan keperluan. [P:UG4]

Kita kena tengok syarikat hendak pelajar yang bagaimana. Pelajar akan belajar perkara yang dikehendaki oleh syarikat. [J:UG5]

Kredibiliti siswazah juga dikaitkan dengan kurikulum dan kredibiliti universiti.

Masa temu duga di syarikat x mereka ada tanya dari universiti mana? Apabila jawab Universiti x dia automatik tidak hendak ambil sebab saya ada dengar ijazah Uxx boleh dibeli. Dari segi kualiti, mungkin seorang dua sahaja yang buat macam itu tetapi kesannya kena pada universiti. [P:UG4]

Antara pengalaman saya semasa temu duga, dia tanya adakah KUxx ini universiti yang diiktiraf dan mereka pertikaikan dari aspek KU sebelum ni. Sebabnya kalau kita berijazah dari Uxx atau Uyy ke, kita memang sudah ada nama. Tetapi KUxx ni mungkin sesuatu yang baharu lagi. [T:UG10]

Ada juga yang tanya saya, eh awak berijazah dari mana? Saya cakap Universiti x. Kemudian dia tanya di Universiti x guna bahasa pengantar apa dan dia ada bandingkan dengan Universiti y. Satu kelemahan sebab universiti ini guna bahasa Melayu. [P:UG5]

Kesimpulan

Bagi aspek kemahiran dan kecekapan dalam pasaran pekerjaan, berdasarkan dapatan yang dibentangkan tentang perspektif siswazah, secara spesifiknya, terdapat beberapa kemahiran yang didapati kurang dalam kalangan siswazah dan inilah yang menyebabkan mereka berada dalam kedudukan yang lemah dalam dunia pekerjaan. Kemahiran berbahasa Inggeris (kemahiran literasi alaf digital) dan kemahiran interpersonal dan kemahiran interaktif (kemahiran komunikasi efektif) dinyatakan oleh siswazah sebagai kemahiran yang dikehendaki oleh industri, manakala kelemahan dalam kemahiran pemikiran inventif dapat dilihat wujud dalam kalangan siswazah sewaktu sesi temu duga.

Bagi kurikulum universiti pula, berdasarkan perspektif siswazah, fungsi universiti didapati tidak selari dengan literasi tempat kerja yang diperlukan dalam kalangan siswazah oleh industri. Walaupun terdapat program-program khusus di universiti yang telah membantu pelajar menyiapkan diri untuk dunia pekerjaan, siswazah menekankan pentingnya ada padanan antara kursus yang diambil dalam sesuatu program dengan kerja yang berkaitan dalam industri. Perlu juga ada padanan antara kursus yang diambil dalam sesuatu program dengan latihan industri. Peratus komponen latihan industri dalam kurikulum universiti perlu dipertingkatkan untuk menggambarkan kepentingan komponen ini dalam kurikulum universiti. Untuk merealisasikan hasrat ini, universiti dan industri perlu bekerjasama. Universiti juga perlu menyemak kandungan kursus supaya kandungan yang dipelajari cukup kukuh (*substantive*) dan dapat memberikan kekuatan kepada siswazah dalam bidang pengajian. Akhir sekali, universiti juga perlu mengambil kira peranan pensyarah dalam aspek penyampaian kuliah/kelas dan aspek penilaian bagi tujuan membangunkan kemahiran literasi tempat kerja dalam kalangan pelajar, kecekapan berbahasa Inggeris, berkomunikasi dan kebolehan berfikir secara kritis dan kreatif.

Hazita Azman et al.

Bahagian ini membentangkan dan menganalisis dapatan kajian dari semua perspektif tersebut. Bahagian seterusnya akan memperincikan rumusan dapatan kajian ini.